



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I Bil.12 Hari Selasa 26hb Februari, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kewangan (No.3)	(Ruangan 31)
Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan)	(Ruangan 40)
Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan)	(Ruangan 45)
Rang Undang-undang Pencen (Pindaan)	(Ruangan 47)
Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)	(Ruangan 69)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan)	(Ruangan 74)
Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan)	(Ruangan 97)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 26hb Februari 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PUSAT PEMULIHAN DADAH

1. Tuan P. Balam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-
 - (a) berapa banyakkah pusat-pusat pemulihan penagih dadah wujud dalam negara kita;
 - (b) apakah jenis aktiviti-aktiviti mereka lakukan pada masa pemulihan itu;
 - (c) apakah cara-cara yang diambil oleh Kementerian untuk memulihkan mereka; dan
 - (d) adakah orang yang telah dibebaskan ditangkap semula menggunakan dadah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka

Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini terdapat 14 buah Pusat Pemulihan Dadah yang beroperasi penuh di seluruh negara. 8 buah pusat lagi masih dalam pembinaan.
- (b) Jenis aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelatih dalam masa pemulihan di pusat adalah seperti berikut:-

- (i) latihan ala-tentera;
 - (ii) aktiviti agama;
 - (iii) aktiviti kaunseling;
 - (iv) aktiviti vokasional iaitu latihan kemahiran;
 - (v) aktiviti ekonomi iaitu pertanian, ternakan, bengkel roti, bengkel minuman, bengkel selipar dan bengkel T-shirt; dan
 - (vi) aktiviti amal bakti masyarakat semasa di peringkat mereka akan dibebaskan, iaitu aktiviti integrasi ke dalam masyarakat.
- (c) Pelbagai pendekatan digunakan oleh Kementerian, khususnya Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah untuk memulihkan penagih dadah dari segi fizikal, mental dan spiritual seperti yang berikut:-
- (i) rawatan perubatan, iaitu pengesahan dan detoksifikasi serta rawatan;
 - (ii) pemulihan fizikal seperti kawad ala-tentera;
 - (iii) pemulihan sosial seperti latihan kemahiran aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti kekeluargaan;
 - (iv) pemulihan psikologikal seperti kaunseling, sikap, ketahanan diri dan harga diri; dan
 - (v) pemulihan spiritual iaitu input keagamaan.
- (d) Terdapat penagih-penagih yang telah dibebaskan dari Pusat Pemulihan ditangkap kerana menagih semula.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk menjalankan 14 buah Pusat-pusat Pemulihan Penagih Dadah itu?

Tuan Oag Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta maaf kerana butir-butir itu tidak ada pada saya. Walau bagaimanapun, saya minta notis untuk memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, apakah asas Kementerian berkenaan untuk meletakkan satu pusat serenti? Adakah ia dizonaikan mengikut kawasan-kawasan ataupun di mana banyaknya penagih di kawasan itu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya sesuatu tempat itu mempunyai banyak penagih, maka Kementerian akan mengadakan satu pusat serenti. Ada kriteria-kriteria yang tertentu di mana Kementerian mendapati sesuai untuk mendirikan, ia tidak bergantung kepada adanya penagih di keliling tempat itu.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Jadi, saya cuma ada satu soalan tambahan. Apa caranya Kementerian untuk menggalak dan menasihati orang awam menerima penagih-penagih pulang kepada masyarakat terutamanya memberi pekerjaan yang sesuai supaya mereka tidak mengulangi lagi kegiatan yang amat merbahaya ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang selama ini Kerajaan telah berusaha untuk menasihatkan dan juga menyeru kepada pihak masyarakat swasta pertamanya, untuk memberi peluang ataupun membantu penagih-penagih yang telah dibebaskan yang telah mempunyai keyakinan semula untuk menyertai masyarakat seperti biasa.

Kementerian juga mempunyai banyak kegiatan-kegiatan seperti melalui PEMADAM dan sebagainya dari semasa ke semasa dan juga dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian sentiasa mengusahakan semua rancangan-rancangan untuk maksud mengurangkan penagih-penagih dan menolong mereka yang telah keluar daripada penagihan itu.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan, berapakah jumlah bilangan penagih-penagih di dalam Pusat-pusat Pemulihan sejak ianya mula beroperasi sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat hingga sekarang dan berapakah jumlah bilangan penagih wanita?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa ribu penagih di semua pusat-pusat serenti yang mana statistik yang cepat itu tidak ada pada saya. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa seramai 1,918 penagih telahpun dibebankan daripada pusat-pusat ini di mana kaum wanita kalau dibanding adalah kurang sekali, iaitu gejala ataupun trend dari segi pecahan kaum wanita itu adalah tidak membimbangkan dan adalah amat kurang sekali.

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah tindakah-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyungkil maklumat-maklumat dari mereka yang menghisap najis dadah supaya dapat pihak yang berkuasa mengetahui pengedar-pengedar najis dadah itu?

Tuan Ong Ka Ting: Itu adalah memang satu usaha yang dipandang berat oleh pihak Kementerian walau bagaimanapun maklumat yang jelas tidak dapat saya kemukakan secara "open" sebab ini melibatkan strategi-strategi Kementerian.

AHLI PERNIAGAAN MUFLIS MENJADI PENGARAH

2. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada terdapat kebenaran bahawa ahli perniagaan yang telah diisytiharkan muflis masih menjawat jawatan pengarah di setengah syarikat walaupun undang-undang negara ini melarang mereka dari berbuat demikian. Sama ada Kerajaan mengambil langkah untuk mengelak muflis dari menjawat jawatan ini dalam syarikat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 125 Akta Syarikat 1965 menghalang mereka yang diisytiharkan muflis daripada menjadi pengarah sesebuah yarikat atau mengambil bahagian di dalam pengurusan sebuah syarikat. Sesiapa yang didapati bersalah di bawah Seksyen tersebut boleh dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda sebanyak sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali. Walau bagaimanapun, mereka yang telah diisytiharkan muflis, boleh menjawat jawatan pengarah sesebuah syarikat jika terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Mahkamah Tinggi bagi tujuan tersebut.

Setakat ini menang terdapat sebilangan ahli perniagaan yang telah diisytiharkan muflis yang telahpun dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi untuk terus menjawat jawatan pengarah sesuatu syarikat, berdasarkan merit sesuatu kes. Pejabat Pendaftar Syarikat, di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapat maklumat mengenai orang-orang yang diisytiharkan muflis sama ada dari senarai yang dibekalkan oleh Pejabat Pemegang Harta ataupun dari Warta Kerajaan yang diterbitkan dari semasa ke semasa setelah mendapat maklumat-maklumat tersebut, semakan akan dibuat bagi mengesahkan sama ada ia masih memegang jawatan pengarah pada masa itu. Jika seseorang yang diisytiharkan muflis itu masih lagi memegang jawatan sebagai seorang pengarah sesebuah syarikat tanpa mendapat kebenaran awal daripada Mahkamah Tinggi, tindakan pendakwaan akan dimulakan terhadap mereka di bawah Seksyen 125, Akta Syarikat 1965.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini cara pembelian kepada seseorang yang telah diisytiharkan seorang muflis?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Minta maaf, saya tidak faham, cara pemberian?

Tuan Chong Chi Siong: Pemulihan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Pemulihan itu terpulanglah - iaitu satu soal perniagaan. Dia kena pulih sendiri. Kena bayar hutanglah. [Ketawa]

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, setakat ini berapa orang telah diisytiharkan muflis di negara kita dan bagaimana pihak Kerajaan mengesan bahawa mereka tidak melanggar undang-undang yang dikenakan. kepada muflis. Misalnya, mereka tidak dibenarkan membawa kereta sendiri?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya rasa angka tersebut adalah berubah dari masa ke semasa kerana kadangkala angka itu bertambah, kadang-kadang yang muflis pula boleh jadi tidak muflis oleh sebab masalah selesai. Salah satu cara kita mengenalpasti sama ada seseorang itu muflis tetapi memegang jawatan pengarah adalah dengan semakan returns yang dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat.

Tuan David Yeoh Eng Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sehingga hari ini, berapa banyakkah kes ahli perniagaan yang muflis telah memohon kebenaran dari Mahkamah Tinggi untuk menjawat jawatan pengarah dan apakah kriteria yang digunakan untuk memberi kebenaran kepada mereka?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini adalah satu soalan yang spesifik, saya tidak ada angka yang tepat. Namun demikian, sebagaimana yang saya telah katakan kriteria untuk memberi kebenaran bagi seseorang muflis memegang jawatan pengarah itu adalah berdasarkan kepada merit sesuatu kes. Merit itu berbagai-bagailah. Ianya terpulang kepada kebijaksanaan mahkamah.

KEMALANGAN JALANRAYA - MENCEGAH

3. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kadar kejadian kemalangan jalanraya begitu tinggi, apakah Kementerian telah atau akan mengambil tindakan-tindakan yang lebih berkesan untuk mencegah atau mengurangkan kejadian-kejadian kemalangan ini, baik dalam bentuk:

- penggubalan undang-undang pengangkutan jalanraya;
- kawalan pengangkutan jalanraya;
- penguatkuasaan perundangan lalulintas jalanraya;
dan
- sebagainya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, oleh kerana Kerajaan mengambil berat di atas kadar kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini maka satu Jawatankuasa Kabinet mengenai Keselamatan Jalanraya yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun ditubuhkan pada tahun yang lepas. Jawatankuasa ini, antara lain, adalah bertanggungjawab untuk merangka matlamat dan strategi serta program bagi meningkatkan keselamatan jalan raya. Di samping itu, tindakan-tindakan akan terus diambil oleh semua agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perusahaan Awam, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Di Raja Malaysia untuk pengawalseliaan perusahaan pengangkutan jalan supaya taraf keselamatan yang tinggi tercapai.

Pengawalseliaan tersebut adalah dibuat melalui undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan perundangan kecil yang masing-masing diperbuat di bawahnya. Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, beberapa peruntukan baru diperkenalkan untuk meningkatkan keadaan keselamatan jalanraya seperti:

- (i) Jabatan Pengangkutan Jalan diberi kuasa menolak pembaharuan. cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan motor yang tidak berada dalam keadaan yang selamat untuk digunakan di jalanraya;
- (ii) mengurangkan tempoh bagi lesen memandu yang tidak diperbaharui dari 5 tahun kepada 3 tahun;
- (iii) menggantungkan lesen pemandu seseorang penagih dadah;
- (iv) menetapkan had laju nasional yang baru, iaitu 110 kilometer sejam untuk lebuh raya dan 90 kilometer sejam untuk jalan biasa; dan
- (v) penggunaan jenis-jenis mesin timbang yang baru.

Kementerian Pengangkutan juga sedang mengambil tindakan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi melaksanakan dasar-dasar yang baru iaitu:

- (i) melaksanakan sistem lesen memandu percubaan;
- (ii) memperketatkan lagi tindakan yang diambil terhadap peserta-peserta perlumbaan memandu secara haram; dan
- (iii) mewajibkan pemandu menjalankan ujian "breathalyser", dengan izin.

Dari segi pengawa seliaan pemandu dan meningkatkan kemahiran pemandu-pemandu tentang aspek-aspek keselamatan jalan raya, baru-baru ini Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan:

- (i) Kurikulum Baru Sekolah Memandu mulai pada 1hb Februari, 1991; dan
- (ii) pada tarikh yang sama, semua pelajar pemegang lesen memandu motosikal B3 juga dikehendaki menjalani ujian undang-undang lalulintas sebelum dikeluarkan lesen pelajar.

Dato' Tan Tiew Bock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar Kementerian Pengangkutan telah meluluskan pertukaran lori-lori yang panjang, yang asalnya 10 ronda kepada 18 ronda? Maksud saya ialah 10 tayar ditukar kepada 18 tayar, dengan izinnnya. Sekiranya benar, apakah had keberatannya? Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah berapa berat barang-barang boleh diangkut oleh lori tersebut dan apa cara untuk membuat pertukaran lori tersebut?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan atau Kementerian Pengangkutan tidak memberikan had lebih muatan, bahkan Jabatan Pengangkutan Jalan menekankan kesalahan-kesalahan kenderaan perdagangan seperti membawa muatan secara merbahaya, muatan melebihi had berat yang dibenarkan dan tidak menjaga kenderaan dengan memuaskan. Jadi, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat itu, kesemuanya tidak dibenarkan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah majoriti kemalangan jalan raya berlaku akibat dari pemandu-pemandu yang kurang berpengalaman atau pemandu yang berpengalaman dan adakah program yang dijalankan untuk melatih pemandu-pemandu supaya bersikap bertimbang rasa dan bersopan santun semasa memandu kereta?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang pernah disebutkan atau saya sendiri pun ada menjawab mengatakan bahawa 94% kemalangan yang berlaku adalah disebabkan kecuaiian manusia. Walaupun mereka ini telah lulus ujian, mempunyai sijil memandu dan sebagainya tetapi oleh kerana kecuaiian, kadang-kadang ada yang mabuk, ada yang tergesa-gesa memandu cara merbahaya, maka mereka terlibat dengan kemalangan di jalan raya.

Oleh kerana itulah Kementerian Pengangkutan telahpun menggubal Kurikulum Baru Sekolah Memandu dan telah menguatkuasakannya pada 1hb Februari, 1991 ini di mana di bawah Kurikulum Baru Sekolah Memandu ini yang ditekankan ialah pemanduan berhemat ataupun, dengan izin, defensive driving, di mana pemandu-pemandu ini dilatih supaya mereka boleh menjangka iaitu jarak jauh antaranya dengan kereta yang di depan dan dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan kemalangan. Itulah maksud pemanduan berhemat dan di samping itu dalam Kurikulum Baru Sekolah Memandu ini juga kita menekankan melatih pemandu—pemandu menjadi pemandu yang bertanggungjawab, yang bertimbang rasa kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Itulah sebahagian daripadanya. Dan juga mengajar pula sedikit mengenai keadaan enjin kenderaan supaya kalau enjin itu mati terberhenti, mungkin kerana tidak ada minyak, mungkin juga tidak

tahu bahawa minyak yang tidak ada, bukan enjin yang rosak. Jadi, ini semua kita ajarkan sedikit kepada pelajar-pelajar memandu.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan asal, tidak ada soalan tambahan lagi. Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN - PERKHIDMATAN TAMBAHAN HARI AHAD

4. Puan Law Jack Yoon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat tinjauan untuk menyelidik keperluan mengadakan perkhidmatan tambahan di beberapa jabatan Kerajaan pada hari Ahad misalnya Jabatan Pengangkutan Jalan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, jabatan-jabatan Kerajaan adalah sentiasa menjalankan usana-usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatannya, dan salah satu usaha tersebut adalah dengan mengadakan perkhidmatan tambahan. Beberapa jabatan telah mengambil inisiatif sendiri untuk bekerja lebih masa, sama ada di waktu rehat atau selepas waktu pejabat. Tambahan masa bekerja ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai bagi mendapatkan perkhidmatan Kerajaan yang diberikan melalui perkhidmatan kaunter dan bagi menyelesaikan kerja-kerja tertangguh akibat daripada pertambahan beban tugas.

Antara jabatan-jabatan yang telah memberi perkhidmatan kaunter pada waktu rehat tengah hari ialah Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jabatan Perkhidmatan Pos juga memberi perkhidmatan selepas waktu pejabat sehingga jam 5.00 petang.

Jabatan Imigresen pula telah mula memberi perkhidmatan pada hari Ahad, khususnya untuk menerima tempahan nombor giliran dan membuat temujanji serta mengeluarkan borang permohonan Pasport Antarabangsa.

Di samping usaha-usaha di atas, peningkatan perkhidmatan juga tercapai melalui penggunaan prosedur kerja dan peralatan yang lebih kemaskini. Sebagai contoh, Jabatan Pengangkutan Jalan telah dapat mengeluarkan Lesen Memandu dalam masa sehari sahaja apabila sistem pengeluaran Lesen Memandu yang baru diperkenalkan. Manakala Jabatan Imigresen pula telah dapat mengeluarkan Pasport Antarabangsa dalam masa seminggu sahaja berbanding dengan dua minggu sebelum sistem baru diperkenalkan.

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan ini telah dapat memperbaiki perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah ada kajian daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri untuk membuka peluang kepada lain-lain jabatan yang kita tahu banyak kepentingan kepada orang ramai yang perlu membuat jadual kerja pada masa makan? Kalau ada kajian **ini**, saya harap Yang Berhormat dapat menjelaskan jabatan-jabatan yang difikirkan perlu.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan menjalankan kajian dari masa ke semasa bagi mengkaji keperluan bagi membuka kaunter ataupun pejabat pada waktu rehat makan tengahari ataupun waktu selepas pejabat. Ini bergantunglah kepada sebanyak mana urusan harian yang masyarakat berhubung dengan

sesuatu jabatan itu. Yang dilakukan sekarang ialah kepentingan orang ramai bagi mereka mendapatkan perkhidmatan yang secepat mungkin bagi menyelesaikan bil-bil misalnya, ataupun lain-lain kemudahan yang diperlukan dengan segera iaitu Kementerian atau jabatan yang memberi kemudahan untuk membuka kaunter pada masa rehat ataupun bekerja lebih masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang lain sekarang. Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

PERUNTUKAN OCAR SEKOLAH RENDAH/MENENGAH/BERASRAMA

5. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kadar-kadar peruntukan OCAR (Other Charges Annually Recurrent) untuk:-
 - (i) sekolah-sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan;
 - (ii) sekolah-sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan, dan Sekolah Kebangsaan;
 - (iii) sekolah-sekolah berasrama; dan
- (b) adakah kadar khas peruntukan OCAR bagi setengah sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah di luar bandar yang sukar mengutip derma. Jika tidak, apa alasannya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kadar peruntukan lain-lain perbelanjaan berulang tahun (OCAR) untuk semua jenis sekolah rendah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan adalah sama berdasarkan kepada

bilangan murid-murid di sekolah itu. Kementerian Pendidikan telahpun dalam bulan Jun 1990 telah melaksanakan satu kadar baru LPBT yang telah ditambahkan dari kadar yang lama. Kadar yang baru adalah seperti berikut:-

Bilangan murid	Kadar LPBT
100 orang atau kurang	\$1,500.00
100 - 250 orang	\$1,500 + \$15 seorang melebihi 100 orang
750 - 1,000 orang	\$10,250 + \$10 seorang melebihi 750 orang murid.

(ii) Kadar LPBT ini adalah berbeza mengikut peringkat persekolahan iaitu rendah dan menengah.

Bilangan murid	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
100 orang atau kurang	\$1,500	\$2,475
100 - 250 orang	\$1,500 + \$15	\$2,475 + \$25 seorang murid melebihi 100 orang

Kadarnya ialah mengikut satu kadar yang baru iaitu ditambahkan secara perbezaan dari 50% hingga ke 100% tambahannya.

(iii) Kadar LPBT ini bagi sekolah berasrama penuh ialah \$62 seorang murid setahun manakala Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional, kita menyediakan pula \$76 seorang murid setahun.

- (b) Peruntukan LPBT bagi sekolah-sekolah di bandar dan di luar bandar tidak berbeza. Kadar LPBT yang diperuntukkan kepada semua sekolah telair ditetapkan oleh Perbandaharaan setelah dikaji terlebih dahulu dengan menentukan bahawa ianya adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan sekolah-sekolah tersebut.

INDUSTRI PELANCONGAN DI KELANTAN

6. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada Kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan sama ada Kerajaan Kelantan akan meneruskan kerjasama dengan Kementerian untuk menggalakkan industri pelancongan di negeri itu. Apakah implikasinya sekiranya Kerajaan Kelantan enggan meneruskan dasar pelancongan di negeri itu.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dari masa ke semasa sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menggalakkan industri pelancongan di negara ini.

Mengenai Negeri Kelantan, pada masa ini Kementerian ini masih meneruskan dasar-dasar dan pelaksanaan projek-projek yang telah ditetapkan. Daripada maklum balas yang diterima setakat ini, kerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan masih baik dan tidak menimbulkan sebarang masalah.

Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan enggan meneruskan dasar pelancongan di negeri itu, Kementerian akan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah dan implikasi yang mungkin timbul ke arah pembangunan industri pelancongan di negara **ini**.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan Negeri Kelantan telahpun seolah-olah mengisytiharkan satu dasar yang tidak menggalakkan perkembangan kebudayaan dan kesenian yang menjadi tumpuan dan juga salah satu daripada faktor-faktor yang dimasukkan di dalam perancangan pemasaran pelancongan di Malaysia, apakah dasar ini akan menjejaskan strategi pemasaran pelancongan di Malaysia yang menonjolkan Kelantan sebagai 'cradle' kebudayaan dan kesenian orang-orang Melayu?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedang meneliti implikasinya ke atas pembangunan industri pelancongan di negeri Kelantan setelah diumumkan apa yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, sekarang masih terlalu awal bagi kita mengatakan setakat mana pelaksanaannya, mengenai apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini ke atas pembangunan industri pelancongan di negeri Kelantan. Jadi, kalau sekiranya Kementerian berpendapat bahawa ini akan menjejaskan pembangunan industri pelancongan di negeri Kelantan setelah terlaksananya apa yang telahpun diumumkan oleh Kerajaan negeri Kelantan, maka pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memulihkan keadaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian merancangkan program-program yang istimewa seperti kebudayaan tradisi dan pertandingan wau untuk menarik pelancong tempatan berhenti di negeri Kelantan dan tidak melangkah ke arah negara jiran yang berhampiran kerana terdapat ramai pelancong tempatan melawat ke bandar Golok melalui Kelantan pada masa kebelakangan ini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, kita memberikan kebebasan 'movement' kepada semua rakyat yang duduk di negara kita. Maka kita tidak merancang untuk membuat apa-apa bagi menghalang kebebasan yang kita berikan kepada rakyat kita. Terima kasih.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

7. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini berapa ramaikah pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara dan apakah bidang-bidang mereka itu.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara pada masa ini adalah dianggarkan seramai lebih kurang 52,000 orang. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 26% iaitu 13,500 orang adalah pelajar yang dihantar oleh Kerajaan bagi melanjutkan pelajaran mereka di semua peringkat pengajian. Ini termasuklah seramai 586 orang pelajar tajaan Kementerian Pendidikan yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda.

Bidang-bidang yang mereka ikuti itu adalah seperti Bahasa Inggeris (TESL - Teaching of English as a Second Language), Sastera, Bahasa Arab/Pengajian Islam, Kejuruteraan, Perubatan, Farmasi, Pergigian, Kursus Senibina, Ukur Bahan, Undang-undang, Sains, Pertanian, Perakaunan, Pendidikan, Ilmu Hisab dan juga Pengurusan serta Pentadbiran.

PINJAMAN BANK - PERATURAN

8. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakan masih terdapat syarat-syarat dan aturan peraturan yang amat ketat untuk membolehkan seseorang itu membuat pinjaman di bank-bank bagi tujuan perniagaan atau kegunaan peribadi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua maklum, salah satu daripada peranan utama bank-bank adalah sebagai penerima simpanan dan pemberi pinjaman wang. Sebahagian besar kumpulan wang bank-bank yang diberi sebagai pinjaman adalah hasil daripada simpanan-simpanan yang diterimanya daripada pendeposit-pendeposit. Dengan demikian pemberian pinjaman perlu dibuat dengan tertib dan cermat bagi memastikan peminjam-peminjam berkeupayaan membayar balik pinjaman-pinjaman yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, setiap permohonan pinjaman yang diterima oleh bank-bank akan dinilai berasaskan syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan supaya kepentingan-kepentingan pendeposit-pendeposit dan pemegang-pemegang saham bank-bank berkenaan tidak terjejas. Kementerian saya berpendapat bahawa permohonan-permohonan pinjaman yang memenuhi kriteria pinjaman yang ditetapkan oleh bank-bank tidak akan menghadapi masalah di dalam memperolehi pinjaman yang dipohon. Namun demikian, bagi pemohon-pemohon yang merasakan mereka tidak diberi layanan ataupun pertimbangan yang wajar oleh bank-bank tertentu, mereka bolehlah membuat aduan kepada Kementerian saya untuk disiasat dan diambil tindakan sewajarnya, jika perlu.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang terdapat ramai yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank tempatan terutama sekali di dalam bidang perniagaan trading seperti mendapatkan kemudahan L.C. ataupun T.R. dan ianya memerlukan cagaran yang mencukupi. Soalan saya ialah apakah langkah-langkah Kementerian agar melonggarkan

syarat-syarat yang dipraktikkan oleh bank-bank sekarang ini dan adakah barang-barang yang diimport tersebut boleh dijadikan sebagai cagaran?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada soalan tambahan yang dibangkitkan tadi. Saya ingin menegaskan di sini bahawa institusi kewangan, khasnya bank, juga menjalankan perniagaan seperti syarikat-syarikat yang lain dan mereka tentulah menjalankan perniagaan untuk mencari keuntungan dan juga atas faktor-faktor yang telah saya sebutkan tadi bahawa kumpulan wang bank-bank itu yang memberi pinjaman ataupun sebagai facilities untuk peniaga-peniaga di dalam negara kita ini adalah menggunakan wang simpanan ataupun wang rakyat ataupun wang pendeposit-pendeposit bank-bank. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu peniaga yang ingin mendapat facility daripada bank-bank, jikalau mereka mempunyai rekod yang baik dengan bank-bank, mereka akan diberi facility dengan mudah, tetapi jikalau tidak, bank-bank yang berkenaan akan menyiasat dan akan mengamalkan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh bank-bank masing-masing.

Kementerian saya tidak ingin campurtangan di dalam perniagaan bank-bank masing-masing kerana kita mengamalkan sistem pasaran bebas dan ini akan berulang balik kepada bank-bank yang berkenaan. Jadi, jawapan saya ialah Kementerian saya tidak ingin melonggarkan apa-apa syarat kerana ini adalah pasaran bebas. Atas soalan berkenaan barang-barang yang telah diimport bolehkah digunakan sebagai cagaran, ini terpulanglah kepada bank-bank masing-masing untuk memberi pertimbangan.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana pula pendapat Kerajaan terhadap ura-ura bank untuk menggunakan charge terhadap akaun kira-kira semasa bagi pelanggan-pelanggan tneraka?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini adalah terkeluar sedikit daripada soalan asal, walau bagaimanapun, saya yakinlah bahawa Menteri Kewangan, Dato' Paduka Datin Zainuddin telah bercakap di dalam Berita. bahawa beliau tidak berapa berpuas hati dengan perkara ini dan telah meminta Association of Banks untuk memberi penjelasan kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang lain, Dato' Azumu bin Tak.

TELEKOM MALAYSIA - KAKITANGAN MEMBELI SAHAM

9. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Yang Berhormat Menteri dan kakitangan-kakitangan di peringkat Kementerian diberi kemudahan untuk membeli saham-saham Syarikat Telekom Malaysia yang baru diterbitkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, Telekom Malaysia telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur mulai 7 November 1990.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut keputusan Kerajaan, saham-saham telah diberikan kepada:

- (i) Mereka yang menerima tawaran untuk berkhidmat dengan STM mengikut syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan.
- (ii) Kakitangan Jabatan Telekom Malaysia yang tidak diberi pilihan untuk memasuki STM semasa diswastakan dahulu kerana perkhidmatan mereka diperlukan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan Kementerian termasuk Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tidak dibenarkan membeli saham seperti yang disebutkan di dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri tetapi hendak memberikan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana begitu teliti. Sudah berapa lama kita bayar, kalau terlebih pun wang itu, tidak pernah pulang, tetapi kala ini terlebih bayar, pulang balik kepada yang empunya. Ini yang saya hendak sebut kepada Menteri. **[Tepuk]**

SKIM PINJAMAN KEPADA USAHAWAN KECIL

10. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah institusi bank yang menyahut seruan yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk memberi pinjaman kepada usahawan, peniaga dan penjaja kecil dan banyaknya wang yang dikeluarkan bagi tiap-tiap bank itu dalam tahun 1989 dan 1990.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua institusi-institusi kewangan adalah terlibat dalam usaha memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan kecil termasuk penjaja dan peniaga kecil, khususnya melalui pelaksanaan skim-skim pinjaman yang diwujudkan oleh Kerajaan.

Bagi Skim Jaminan Utama yang memberikan pinjaman sehingga \$500,000, misalnya, semua bank perdagangan dikehendaki memperuntukkan sejumlah tertentu daripada Kumpulanwang pinjaman mereka untuk dipinjamkan kepada usahawan kecil setiap tahun. Jumlah minimum bagi setiap bank adalah ditentukan oleh Bank Negara Malaysia berasaskan kriteria-kriteria tertentu termasuk jumlah aset dan bilangan cawangan. Dalam tahun 1989, jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak \$78.5 juta, melibatkan 1,638 pemohon, manakala bagi tahun 1990 pula jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak \$391.8 juta melibatkan 7,279 pemohon. Bank Negara sentiasa mengawasi pelaksanaan skim ini bagi memastikan penyertaan semua bank di dalam skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penjaja dan peniaga kecil pula, satu tabung yang dikenali dengan nama Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil telah dilancarkan pada Ihb Mac 1990 untuk menggantikan Skim Pinjaman Khas Penjaja dan Peniaga Kecil. Sebanyak lapan buah bank perdagangan telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pinjaman di bawah skim ini. Bank-bank berkenaan adalah seperti berikut:-

- (i) Bank Bumiputra Malaysia Berhad;
- (ii) United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC);
- (iii) Malayan Banking Berhad (Maybank);
- (iv) Kwong Yik Bank Berhad;

- (v) Perwira Habib Bank Berhad;
- (vi) Public Bank Berhad;
- (vii) Hock Hua Bank Berhad; dan
- (viii) Sabah Bank Berhad.

Jumlah pinjaman maksimum yang di bawah skim ini adalah sebanyak \$5,000. Sehingga akhir tahun 1990 jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak \$6 juta yang melibatkan 1,703 pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, satu lagi skim telah dilancarkan pada bulan Julai 1990 untuk penjaja dan peniaga kecil dengan had maksimum \$2,000. Bank-bank yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan skim ini adalah sama dengan bank yang dipersetujui untuk Skim Tabung Pinjaman dan Peniaga Kecil. Pinjaman di bawah skim ini adalah tanpa faedah. Sehingga akhir tahun 1990 jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah skim ini adalah sebanyak \$4.2 juta yang melibatkan 2,111 pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, bagi usahawan kecil bumiputera pula, satu tabung khas yang dinamakan Tabung Usahawan Baru telah dilancarkan pada akhir tahun 1989 untuk memberi pinjaman kepada usahawan baru bumiputera. Jumlah pinjaman maksimum ialah \$500,000. Lima buah institusi kewangan telah dilantik untuk mengendalikan skim ini.

Institusi-institusi kewangan berkenaan adalah seperti berikut:-

- (i) Perwira Habib Bank Berhad;
- (ii) United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC);
- (iii) Malayan Banking Berhad (Maybank);
- (iv) Bank Pembangunan Malaysia Berhad; dan
- (v) Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF).

Sehingga akhir bulan Disember 1990, pinjaman sebanyak \$21.7 juta telah dikeluarkan yang melibatkan 153 pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, pinjaman kepada usahawan kecil termasuk peniaga dan penjaja kecil telah mendapat sambutan yang baik daripada institusi-institusi kewangan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan skim-skim berkenaan.

Jumlah pinjaman bagi setiap institusi kewangan tidak dapat diberikan kerana maklumat itu dikelaskan sebagai sulit. Walau bagaimanapun, pihak Bank Negara sentiasa mengawasi pelaksanaan skim-skim itu dan tindakan sewajarnya diambil ke atas institusi—institusi kewangan yang tidak memberikan kerjasama dalam pelaksanaan skim-skim tersebut.

SAHAM SYARIKAT BAGI MASYARAKAT INDIA

11. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Menteri sedar bahawa pengumuman Menteri baru-baru ini di kawasan Parlimen Merbok di Sungai Petani bahawa saham-saham dalam syarikat - pengumuman yang menggalakkan ini telah menimbulkan suatu harapan yang besar di kalangan masyarakat India. Apakah tindakan-tindakan atau langkah-langkah selanjutnya untuk melaksanakan pengumuman **ini**.

Dato' Loke Tuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semaaa Kerajaan membantu masyarakat India dengan memperuntukkan saham-saham dalam syarikat-syarikat tertentu. Ini adalah bagi memastikan masyarakat India juga dapat menyertai ekuiti syarikat-syarikat.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada situasi di mana kaum India sangat lemah di dalam bidang perniagaan, adakah rancangan-rancangan yang khas daripada Kementerian Kewangan untuk membantu mereka?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional ini membela rakyat tidak mengira kaum dan Kerajaan pun sedar bahawa kemungkinan kaum India adalah di dalam keadaan yang lemah sedikit dan jikalau ada apa-apa langkah yang hendak diambil oleh Kerajaan, langkah-langkah itu akan dibincang di Kabinet, bukan sahaja di Kementerian Kewangan.

PERSATUAN/KELAB BELIA - PERUNTUKAN BANTUAN

12. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah ada cadangan kenaikan bantuan pentadbiran kepada kelab-kelab belia di seluruh negara dari \$300.00 kepada \$1,000.00 setahun di masa-masa akan datang. Dan juga menambah bilangan pegawai belia yang akan ditempatkan di tiap-tiap daerah di seluruh negara mulai Januari 1991.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail

bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan tidak menyediakan sebarang peruntukan bantuan pentadbiran kepada mana-mana kelab belia di seluruh negara secara khusus. Bantuan pentadbiran yang disediakan sekarang ini sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah merupakan bentuk bantuan yang diberikan kepada badan induk kelab belia yang berdaftar di peringkat tertentu sahaja, misalnya:-

- (i) Majlis Belia Daerah sebanyak \$500.00 setahun;
- (ii) Majlis Belia Negeri sebanyak \$2,000.00 setahun;
- (iii) Kelab Belia diperingkat Kebangsaan antara \$2,000.00 hingga \$60,000.00 setahun. Pengagihan bantuan ini bergantung kepada kriteria berikut:-
 - (a) Bilangan keahlian;
 - (b) keaktifan;
 - (c) kumpulan sasaran.

Walau bagaimanapun, selain daripada bantuan pentadbiran dalam bentuk sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Kementerian Belia dan Sukan juga ada memberi bantuan kewangan kepada kelab belia berdasarkan kepada projek-projek dan juga aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kelab-kelab berkenaan.

Kementerian juga bercadang untuk menambah bantuan yang berkenaan ini kepada kelab-kelab belia dari masa ke semasa, jika keadaan kewangan mengizinkan kelak.

Sememangnya Kementerian saya menyedari tentang kekurangan bilangan pegawai peringkat daerah di seluruh negara dan langkah-langkah sedang diambil untuk menambah pegawai-pegawai di semua peringkat.

Rancangan sedang disusun menerusi pihak Agensi Pusat supaya bilangan Pegawai Belia ditempatkan di daerah-darjah di seluruh negara ditambah bilangannya. Penempatan mereka akan disegerakan apabila kajian dan penyusunan semula mendapat persetujuan daripada pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah kriteria-kriteria pegawai-pegawai belia yang Kerajaan tentukan sebelum mereka itu ditempatkan sebagai pegawai belia yang berkaliber di tiap-tiap daerah di seluruh negara? Terima kasih.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua di antara kriteria-kriteria yang kita gunakan sekarang ialah mesti ada kelulusan, sanggup bekerja dan juga pernah menceburkan diri dalam bidang persatuan serta mempunyai budi bahasa yang baik dan juga beramanah. Terima kasih.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah ada sebarang cadangan daripada Kementerian Belia dan Sukan apabila hendak melaksanakan Projek Belia Niaga dan Belia Tani secara besar-besaran? Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil pegawai-pegawai yang berkelulusan Diploma ataupun Ijazah Pertanian dan Perdagangan atau kelulusan yang berhubungan dengan kesemua itu?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ia ada terangkum dalam rancangan Kementerian Belia dan Sukan untuk menyusun semula di Bahagian Belia itu, di mana pegawai-pegawai kita akan ambil berdasarkan kepada kelulusan profesyenal masing-masing. Terima kasih.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN LUAR DAN DALAM NEGERI - AKTIVITI OVERLAP

13. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah penyelarasan dibuat di antara kegiatan Kementerian Perdagangan Luar dan Dalam Negeri dan mengapakah fungsi Kementerian asal dibahagikan sedangkan terdapat banyak aktiviti-aktiviti yang 'overlap' seperti pemprosesan barang.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan telah menetapkan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan perkara-perkara yang dikatakan sebagai aktiviti-aktiviti yang 'overlap' itu telah diambilkira. Dalam pada itu, Kerajaan juga mempunyai forum-forum tertentu seperti mesyuarat mingguan Jemaah Menteri, Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Perkhidmatan, Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan seumpamanya untuk menimbang dan mengatasi masalah aktiviti-aktiviti yang 'overlap' itu, jika ianya terjadi.

Oleh kerana perkara-perkara berkaitan dengan perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna berkembang dengan pesat, maka Kerajaan berpendapat adalah wajar sebuah Kementerian khusus mengenainya diwujudkan agar kepentingan pengguna dapat dipelihara dan kemajuan perdagangan dalam negeri terus meningkat. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pula dapat memberi tumpuan yang lebih kepada perdagangan di peringkat antarabangsa agar Malaysia dapat meneruskan persaingannya dalam bidang yang begitu kompetitif, terutamanya dalam bidang barangan pembuatan (manufactured goods).

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan, saya ingin membuat pembedaan iaitu barisan yang ketiga yang berkuasa penuh terhadap tanah, hutan dan galian.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 14.

DASAR PERHUTANAN

14. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkuasa penuh terhadap tanah, hutan dan galian dan berikutan dengan tindakan setengah Kerajaan Negeri yang tidak menghiraukan nasihat Kerajaan Pusat mengenai dasar perhutanan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar perhutanan, dasar tanah, yang telah dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa sebarang masalah jika ada, diselesaikan melalui perbincangan dan perundingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat beberapa forum di mana dasar perhutanan dan dasar tanah negara yang berkenaan boleh dibincangkan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan

seperti Majlis Tanah Negara, Majlis Perhutanan Negara dan mesyuarat Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri.

Di peringkat pegawai, Ibu Pejabat Perhutanan seringkali juga mengadakan perhubungan dan perbincangan dengan Jabatan-jabatan Hutan Negeri. Pada keseluruhannya kedua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bersetuju tentang perlunya pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan sumber hutan yang teratur untuk kepentingan negeri khususnya untuk kepentingan negara pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar galian/mineral pula, saya suka memaklumkan bahawa mengikut Perkara 95B(1)(a) serta Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan, soal tanah sememangnya terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan Kanun Tanah Negara untuk menyeragamkan undang-undang mengenai pentadbiran tanah.

Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama 'United Nations Development Programme', dengan izin (UNDP) sedang menjalankan projek Dasar Pembangunan Mineral yang bertujuan, di antara lain, untuk menyeragamkan kesemua perundangan yang berkaitan dengan sumber mineral, di samping mewujudkan suatu iklim pelaburan yang menarik minat para pelabur. Walaupun hal-ehwal tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, tetapi menerusi Majlis Tanah Negara, perkara-perkara kepentingan bersama dapat dibincangkan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat semua soalan untuk hari ini telah dijawab dan sekarang kita terus pergi ke perkara yang lain.

Sebelum kita memulakan di sini, saya hendak memberitahu bahawa dalam masa mulai daripada hari ini sehingga hari Jumaat, kita **ter-**

paksalah berbincang sejumlah 17 Rang Undang-undang. Dan oleh sebab **itu**, saya berharap kalau perbahasan dibuat, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah berucap tentang Rang Undang-undang itu dengan apa-apa yang ada berkaitan. Maka sekarang kita cerus pergi ke perkara yang pertama dalam Aturan Mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (N0.3)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.26 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Tow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan, Tambahan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Eksais 1976 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa pembentangan Belanjawan 1991 yang lalu.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja.

Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pandapatan 1967.

Di bawah seksyen 3A Akta Cukai Pendapatan 1967, (ACP 1967), individu-individu dan kumpulan-kumpulan orang-orang adalah dikenakan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 5% bagi pendapatan bercukai melebihi \$300,000. Fasal 4 bertujuan membatalkan seksyen 3A mulai tahun taksiran 1991.

Fasal 6 bertujuan memotong proviso-proviso kepada seksyen 6A(2)(a) supaya isteri-isteri yang akan ditaksir secara berasingan atas pendapatan dari segala sumber akan berhak kepada rebate sebanyak \$60 dan bukannya \$30.

Pada masa ini sumbangan wang tunai daripada pembayar-pembayar cukai kepada sesuatu institut ataupun syarikat penyelidikan tidak dikenakan apa-apa potongan cukai.

Fasal 8 bertujuan memasukkan seksyen baru 34B sebagai memperkenalkan suatu lagi insentif iaitu membenarkan potongan dua kali ke atas sumbangan wang tunai dari mana-mana pembayar cukai kepada sesuatu institut penyelidikan ataupun pembayaran bagi penggunaan perkhidmatan sesuatu institut penyelidikan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 9 dan Fasal 25 bertujuan meminda seksyen 39(1)(k) dan perenggan 2 Jadual 3 yang menaikkan potongan dan elaun modal yang dibenarkan bagi kenderaan motor, selain daripada kenderaan motor bagi pengangkutan perdagangan, dari \$25,000 kepada \$50,000.

Fasal 25 juga bertujuan meminda perenggan 62 berhubungan dengan pelupusan aset-aset kepada Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan atas kos nominal di bawah sesuatu skim penswastaan.

Di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada harga pelupusan adalah berdasarkan nilai pasaran aset dan di bawah cadangan ini harga pelupusan akan berdasarkan balasan sebenar aset yang dilupuskan. Fasal ini juga meminda perenggan 63 untuk membolehkan perusahaan telekomunikasi menikmati elaun pembangunan perindustrian.

Fasal 12 membatalkan subseksyen (4), (5) dan (6) kepada seksyen 45 dan menggantikan seksyen 45(2) bagi membolehkan seseorang perempuan bersuami ditaksir secara berasingan atas pendapatannya daripada segala sumber tanpa keperluan untuk membuat apa-apa pilihan. Walau bagaimanapun, seksyen 45(2) membenarkan seseorang perempuan bersuami membuat pilihan untuk mengagregatkan pendapatannya kepada pendapatan suaminya yang berhak mendapat pelepasan isteri dan anak jika wanita itu mendapati ia berfaedah dari segi liabiliti cukai yang lebih rendah jika dibandingkan dengan taksiran berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 bertujuan memasukkan suatu perenggan baru (c) kepada seksyen 46 supaya seseorang individu yang menanggung perbelanjaan perubatan untuk ibubapanya boleh menuntut potongan yang tidak melebihi \$1,000 berkenaan dengan perbelanjaan tersebut.

Pasal 14(a) dan 15(b) bertujuan untuk menaikkan pelepasan cukai isteri dan juga anak masing-masing di bawah seksyen 47 dan 48 - di mana pelepasan cukai isteri dinaikkan daripada \$2,000 kepada 53,000, manakala potongan bagi pelepasan cukai bagi anak-anak dinaikkan dari \$650 dan \$750 bagi anak pertama dan kedua menjadikan \$800 setiap orang bagi lima orang anak yang pertama. Pelepasan cukai bagi anak-anak cacat dinaikkan daripada \$400 kepada \$1,000.

Fasal 14(c) pula bertujuan memasukkan satu subseksyen baru (5) kepada seksyen 47 untuk membenarkan pelepasan cukai untuk isteri kepada suami sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan adalah dicadangkan kepada proviso kepada seksyen 49(1) dalam Fasal 16 agar kedua-dua suami dan isteri berhak secara individu kepada potongan maksimum \$3,500 itu ke atas caruman-caruman kepada pencen ataupun KWSP dan premium insurans.

Fasal 20(a) bertujuan meminda seksyen 82(1)(b) untuk menghendaki tiap-tiap orang yang menjalankan sesuatu perniagaan supaya mengeluarkan resit-resit jika perolehan kasarnya melebihi \$150,000 bagi tujuan barang-barang dan \$100,000 bagi perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen 153 untuk menukarkan tatanama "akauntan" kepada "ejen cukai", di bawah seksyen itu supaya mana-mana orang yang diluluskan di bawah Akta bagi maksud-maksud mewakili klien-kliennya dalam urusan mereka dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengemukakan dirinya dengan sewajarnya sebagai ejen cukai dan bukan sebagai seorang akauntan,

Fasal 24(a) bertujuan merinda kadar-kadar cukai bagi individu-individu pemastautin dalam Bahagian 1 Jadual 1. Kadar-kadar sebagaimana yang dicadangkan adalah dalam lingkungan daripada 4 hingga 35 peratus.

Fasal 26 bertujuan untuk memasukkan Jadual baru 4B untuk membolehkan syarikat-syarikat pemastautin melayakkan diri untuk mendapatkan potongan berkenaan dengan apa-apa perbelanjaan pra operasi yang dilakukan berkaitan dengan pelaburan di luar negeri. Pelaburan yang diusahakan itu mestilah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan bagi maksud itu.

Fasal 28(a) bertujuan meminda perenggan 21 Jadual 6 untuk menjadikannya jelas bahawa seseorang individu bukan pemastautin yang menjalankan sesuatu pekerjaan di Malaysia akan dikecualikan daripada cukai berkenaan dan pendapatan pekerjaannya jika perkerjaan itu dijalankan bagi tempoh ataupun tempoh-tempoh yang tidak melebihi 60 hari dalam sesuatu tahun kalender.

Fasal 28(c) bertujuan meminda perenggan 30 Jadual 6 agar hanya pencen yang dibayar di bawah sesuatu skim pencen yang diluluskan adalah dikecualikan daripada cukai.

Fasal 29 bertujuan melanjutkan elaun pelaburan semula yang di-

beri di bawah Jadual 7A bagi lima tahun sehingga 31.12.1995 dan memperluaskan skop projek-projek yang layak bagi elaun pelaburan semula seperti pemodenan dan pelbagaian dalam keluaran-keluaran berkaitan dalam industri-industri yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.

Pasal 31 bertujuan meminda proviso kepada Seksyen 13(1) untuk menghapuskan cukai pembangunan atas pendapatan yang diterima oleh penghibur-penghibur awam bukan pemastautin. Pindaan ini berkuatkuasa dari tahun taksiran 1991.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 15 dalam Fasal 32 adalah berbangkit daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 45 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Fasal 12) iaitu mengenai taksiran berasingan ke atas seseorang perempuan bersuami.

Fasal 33 bertujuan meminda seksyen 16 untuk mengurangkan lagi kadar cukai pembangunan daripada 4 peratus kepada 3 peratus mulai daripada Tahun Taksiran 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Fasal 35 bertujuan meminda seksyen 18 yang dengannya potongan maksimum yang dibenarkan berkenaan sewa bagi kenderaan motor selain daripada kenderaan motor bagi pengangkutan perdagangan dinaikkan daripada \$25,000 kepada \$50,000.

Fasal 36 pula bertujuan meminda perenggan 2 Jadual 2 untuk menaikkan elaun modal kepada \$50,000 bagi kenderaan motor selain daripada kenderaan motor bagi pengangkutan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V ialah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Kastam 1967.

Fasal 38, 39 dan 40 bertujuan menyamakan taraf Labuan dengan Langkawi di mana barang-barang tembakau, minuman keras dan mancis adalah tidak tertakluk kepada duti import.

Tuan Yang di-Pertua, Bab ke VI ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.

Fasal 42 bertujuan meminda seksyen 2 untuk melanjutkan tempoh cukai dari satu bulan kepada dua bulan untuk memperuntukkan masa yang lebih bagi pembayaran apa-apa cukai jualan.

Pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Fasal 43 dan 44 adalah berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2.

Fasal 45, 46 dan 47 bertujuan menyamakan taraf Labuan sebagai pelabuhan bebas dengan taraf Langkawi di mana barang-barang tembakau, minuman keras dan mancis adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VII ialah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Fasal 49 bertujuan meminda seksyen 2 untuk melanjutkan tempoh yang kena dibayar daripada satu bulan kepada dua bulan untuk memperuntukkan masa yang lebih bagi pembayaran apa-apa cukai perkhidmatan. Pindaan yang terkandung di dalam Fasal 50 adalah berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 2.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VIII ialah berkenaan pindaan-pindaan kepada Akta Eksais 1976. Fasal 52 bertujuan menyamakan taraf Labuan sebagai pelabuhan bebas dengan taraf Langkawi di mana barang-barang tembakau, minuman keras dan mancis adalah tidak tertakluk kepada duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

3.42 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dari cuma satu perkara sahaja yang saya ingin hendak bertanya kepada Kerajaan. iaitu Fasal 13 yang memberikan penghapusan cukai sebanyak \$1,000

kepada seorang individu terhadap pembayaran perubatan kepada ibu bapanya .

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masyarakat kita jika ibu bapa itu sakit maka pembayaran ubat-ubatnya, bayaran doktor dan sebagainya adalah dikongsi oleh beberapa orang adik-beradik di dalam keluarga itu. Maka saya ingin bertanya jika tiap-tiap adik-beradik itu yang kanungkinan kos perubatan itu adalah lebih \$1,000 jika semua adik-beradik itu dapat dihapuskan jumlah wang sebanyak \$1,000 untuk perbelanjaan tersebut, jika ia mempunyai tiga orang adik-beradik, maka ketiga-tiganya itu sama ada boleh dilepaskan daripada Fasal yang disebutkan ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memberi begitu banyak pelepasan cukai dalam Rang undang-undang ini dan ini amat disanjung tinggi dan diterima dengan sepenuhnya.

Saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tak ada lagi, sekarang saya menjemput Timbalan Menteri untuk memberikan jawapan.

3.44 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak atas pandangan yang telah disuarakan oleh beliau dan Kementerian Kewangan akan memberikan pertimbangan atas pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan.

Seperti apa yang telah disebutkan oleh Kerajaan, Kerajaan senbiasa mengambil tindakan untuk membela rakyat. Amaun tidak melebihi \$1,000 yang telah diperuntukkan di dalam Belanjawan yang baru ini adalah untuk seorang sahaja, iaitu jumlah \$1,000. Walau bagaimanapun

Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan akan memberi pertimbangan selanjutnya pada tahun depan.

Dengan **itu**, saya mengucapkan berbanyak-banyak Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DUTI HIBURAN [PINDAAN]

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.49 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Terlebih dahulu ingin saya menjelaskan bahawa Akta ibu iaitu Akta Duti Hiburan 1953 adalah satu Akta yang bertujuan untuk mengenakan cukai yang dipanggil duti hiburan ke atas tiap-tiap bayaran kemasukan ke sesuatu hiburan. Takrif "hiburan" di dalam Akta ibu ini meliputi sesuatu pertunjukan, lakonan, permainan atau sukan yang mana orang ramai dibenarkan masuk dengan dikenakan bayaran.

Duti hiburan yang dikutip di negeri-negeri selain daripada Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan adalah merupakan hasil Kerajaan Negeri berkenaan menurut peruntukan di dalam **Per-**lembagaan Persekutuan. Akta Ibu ini ada memperuntukkan pengecualian daripada duti di bawah Seksyen 12(1) oleh Menteri Kewangan bagi sesuatu kelas hiburan dan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 12(2) bagi sesuatu hiburan. Di samping itu, pemungut duti hiburan, iaitu Menteri Kewangan boleh mengecualikan sesuatu hiburan daripada duti bagi kes di mana amaun duti berjumlah tidak melebihi \$500.00 iaitu mengikut Seksyen 12(3). Ini bermakna Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Menteri Kewangan tidak berkuasa untuk mengecualikan mana-mana hiburan daripada duti hiburan jika amaun dutinya melebihi \$500.00.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, cadangan adalah dibuat melalui Fasal 2 untuk meminda Seksyen 12(1) Akta Ibu untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan memberikan pengecualian daripada pembayaran duti hiburan berkenaan dengan apa-apa hiburan di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

Fasal 2(2) pula adalah bertujuan untuk menjadikan sah dan menurut undang-undang apa-apa pengecualian yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan di antara 3hb Mei, 1982 sehingga ke tarikh berkuatkuasanya pindaan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak 3hb Mei, 1982, Kementerian Kewangan telah tersalah memberi pengecualian duti di bawah Seksyen 12(1) Akta Ibu bagi kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana amaun duti melebihi \$500.00.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr. K. S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Saidin.

3.53 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas bagi menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953 yang dinamakan Akta Duti Hiburan (Pindaan) 1990, maka suka suka saya menyebutkan bahawa dengan pemberian kuasa kepada Menteri mengendalikan duti hiburan, maka dapatlah suatu pengajuran dengan keadaan-keadaan semasa ataupun keadaan pengajuran majlis ataupun hiburan itu dilaksanakan denganesuaian dan menepati kehendak masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memberi kelulusan pengajuran, **bererti** Kerajaan mengambil perhatian dalam semua aspek. Menyentuh mengenai aspek keselamatan, baik keselamatan majlis ataupun kesan sampingan daripada majlis hiburan yang diluluskan ada kelas-kelas ataupun bahagian hiburan yang memberi kesan negatif kepada masyarakat. Penglibatan masyarakat dalam menonton sesuatu hiburan di mana masyarakat ataupun orang ramai terlibat, terlibat pula dengan pembiayaan wang. Contohnya fun-fare, dalam satu hiburan itu diadakan permainan judi. Bagi mereka yang bermain judi, selama mana hiburan itu diadakan, selama itu pula mereka berkunjung tiba. Walau bagaimana keadaan mereka, tetap akan sampai habis wang dipoket, barang-

barang di rumah digadai. Habis barang-barang di rumah, berbagai cara dilaksanakan seperti mencuri, merompak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya mengemukakan kepada pihak Kerajaan, apakah pihak Kerajaan sedar atas kenyataan ini dan apakah langkah-langkah Kerajaan yang telah dijalankan ataupun akan dijalankan supaya hiburan yang berbentuk dan boleh menimbulkan huru-hara kepada masyarakat diatasi dengan sewajarnya. Dalam meluluskan kebenaran hiburan, pada dasarnya penaja/penganjur hiburan mematuhi berbagai syarat yang dibuat tetapi biasa kedapatan dalam majlis-majlis hiburan itu terdapat juga perjudian. Dalam usaha-usaha ke arah penerapan nilai-nilai Islam, amalan mengurangkan, bahkan menghapuskan kegiatan-kegiatan berbentuk tidak secukup dengan nilai-nilai Islam harus dibanteraskan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya dapat memberi penghujahan di dalam menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberi jawapan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang saya kemukakan di Dewan yang mulia ini pada hari ini ialah untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953 berkenaan dengan kuasa Menteri Kewangan dan juga dengan lebih tepatnya di atas pengecualian duti hiburan. Segala pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berkenaan dengan syarat-syarat untuk meluluskan sesuatu hiburan khususnya hiburan-hiburan yang dianggap tidak begitu sihat kepada masyarakat. Saya ingin di sini menegaskan bahawa ini adalah

kuasa Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri dan juga Majlis Penguasa Tempatan. Pegawai-pegawai saya telahpun catitkan pandangan-pandangan ataupun kebimbangan Yang Berhormat Senator itu dan ianya akan dipanjangkan kepada pihak-pihak yang tertentu. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN).**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.00 ptg.**

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya monon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini hanya mengandungi satu pindaan sahaja yang meminda seksyen 27(3)(b) Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk membolehkan kesatuan-kesatuan badan berkanun dan kuasa tempatan bergabung dengan persekutuan kesatuan sekerja yang terdiri daripada kesatuan-kesatuan mewakili pegawai-pegawai Kerajaan seperti Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Tuan Yang di-Pertua, menurut undang-undang, kesatuan-kesatuan sekerja dalam badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan tidak boleh bergabung dengan persekutuan kesatuan sekerja yang keanggotaannya terdiri daripada kesatuan-kesatuan yang mewakili pegawai-pegawai Kerajaan. Memandangkan semua kakitangan Kerajaan, badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan menikmati skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatannya yang serupa yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa, maka dicadangkan supaya kesatuan-kesatuan dalam badan-badan berkanun dan kuasa tempatan dibenarkan bergabung dengan sesebuah persekutuan kesatuan sekerja bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang sedia ada seperti CUEPACS.

Pindaan ini juga akan memberi peluang kepada pekerja-pekerja sektor awam untuk disatukan di bawah satu umbrella organisation, dengan izin, untuk perwakilan yang lebih berkesan bagi pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam. Namun demikian, soal sama ada

mereka hendak bergabung dengan CUEPACS adalah satu perkara yang akan diputuskan sendiri oleh ahli-ahli kesatuan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan tersebut telahpun dibincangkan dalam mesyuarat National Labour Advisory Council (NLAC) pada 19hb Julai 1990. Dalam mesyuarat itu wakil-wakil CUEPACS telah menyambut baik cadangan pindaan itu, Wakil-wakil MTUC pula tidak ada bantahan terhadap cadangan pindaan itu pada dasarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr. K. S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana tidak ada perbahasan, maka di sini saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,

Masalah dikemuka bagi keputusan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)**Bacaan kali Yang Kedua dan Ketiga****4.16 ptg.**

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pencen (Pindaan) 1990 dibacakan bagi kali kedua.

Akta Pencen 1980 atau Akta 227 ialah Undang-undang Pencen yang mentadbirkan urusan persaraan dan pengurniaan faedah persaraan bagi pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam. Akta berkenaan telah berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1976. Rang Undang-undang Akta Pencen (Pindaan) 1990 yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen 1980, (Akta 227) bagi mengemaskinikan Akta berkenaan.

Ada enam pindaan yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta tersebut seperti berikut:

- (1) Cadangan untuk meminda umur persaraan pilihan sendiri dari umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki kepada umur 40 tahun bagi semua pegawai lelaki dan perempuan di dalam Perkhidmatan Awam. Pembayaran faedah persaraan bagi mereka yang sedang berkhidmat adalah dikekalkan pada umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki, manakala bagi mereka yang akan dilantik selepas Rang Undang-undang ini berkuatkuasa, pembayaran faedah persaraan, iaitu ganjaran, pencen dan faedah-faedah persaraan lain akan hanya dibuat apabila umur mereka genap 55 tahun. Dengan cara ini, peruntukan bagi membayar faedah persaraan dijangka boleh dikekalkan pada tahap ada sekarang ini.

- (2) Memberi opsyen kepada pegawai yang akan dilantik pada masa hadapan untuk memilih skim pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (3) Cadangan mengadakan peruntukan untuk membolehkan pekerja Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang ditukarlantik ke Perkhidmatan Awam mengekalkan taraf berpencen mereka sebagaimana yang telah diperuntukkan bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang ditukarlantik ke Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan.
- (4) Mengadakan peruntukan untuk membolehkan mana-mana pegawai dan kakitangan yang semasa dilantik telah memberikan pernyataan, maklumat atau dokumen palsu, silap, tidak cepat, tidak lengkap atau mengelirukan, dibersarakan daripada Perkhidmatan Awam.
- (5) Mengadakan peruntukan untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong menggantungkan pencen mana-mana pegawai yang telah bersara atas kepentingan negara yang didapati telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan persaraannya.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Seksyen baru 6A. Seksyen baru 6A dicadang dimasukkan ke dalam Akta Pencen 1980 untuk membolehkan seseorang pegawai baru yang dilantik pada atau selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini sebelum disahkan dalam jawatannya, diberi opsyen untuk memilih skim Kumpulan Wang Simapan Pekerja (KWSP) atau skim pencen. Sekiranya pegawai berkenaan memilih skim KUSP, peruntukan-peruntukan Akta ini, kecuali peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di bawah seksyen baru 6A yang berhubung dengan persaraan paksa dan persaraan di bawah subseksyen (5) Sekyen 10, tidaklah terpakai baginya. Pelaksanaan opsyen tersebut adalah muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, Pindaan Seksyen 8. Seksyen 8 dicadangkan dipinda untuk memasukkan satu peruntukan baru bagi membolehkan satu kategori pegawai lain disifatkan sebagai pegawai berpencen di bawah Akta iaitu mana-mana pekerja berpencen di bawah Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 19.90, Akta 239, atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang ditukar tetap secara lantikan ke perkhidmatan awam.

Pindaan Seksyen 10. Seksyen 10 dicadang dipinda untuk memperuntukkan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana yang berkenaan untuk membersarakan mana-mana pegawai yang pada masa perlantikannya telah membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat atau membekalkan apa-apa dokumen yang didapati palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan.

Pindaan Seksyen 12. Seksyen 12 dicadang dipinda untuk menurunkan umur persaraan pilihan sendiri daripada 45 tahun bagi perempuan dan 55 tahun bagi lelaki kepada umur 40 tahun bagi perempuan dan lelaki. Walau bagaimanapun, pencen, ganjaran dan lain-lain faedah persaraan hanya boleh diberi kepada pegawai-pegawai ini apabila mereka mencapai umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki yang sedang berkhidmat, atau 55 tahun bagi pegawai yang akan dilantik pada masa hadapan, mengikut mana yang berkenaan sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 12 yang dicadangkan untuk dipinda itu.

Pindaan Seksyen 13. Seksyen 13 dicadang dipinda bagi menyatakan dengan jelas kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan kepada seseorang pegawai yang bersara di bawah Seksyen 10(5)(d) dan bagi mengadakan kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan kepada seseorang pegawai yang mungkin dibersarakan di bawah Seksyen 10(5)(f) yang dicadangkan itu.

Pindaan Seksyen 23. Seksyen 23 dicadang dipinda untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen mana-mana pegawai yang telah bersara atas kepentingan negara yang didapati telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang mungkin bercanggah dengan tujuan persaraannya. Pindaan kepada Seksyen 23 itu sepatutnya telah dibuat bersama-sama dengan pindaan kepada Seksyen 11 yang telah diwartakan pada 15hb Mei, 1986 tetapi telah tidak dibuat pada masa itu. Oleh itu pindaan kepada Seksyen 23 itu adalah dicadangkan dibuat pada masa ini bagi mengemaskinikan peruntukan tersebut.

Walau bagaimanapun, sebutan mengenai Seksyen 11(b) (i) yang berhubungan dengan pegawai-pegawai negeri hendaklah terpakai hanya bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kerana tidak terdapat sebarang peruntukan di bawah Akta sekarang yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen pegawai-pegawai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh.

4.14 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 yang telah dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi. Di mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen (Pindaan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam meminda Akta Pencen **ini**, saya hanya akan mengambil masa yang sedikit sahaja **iaitu** untuk mendapat penjelasan daripada pihak yang berkenaan kerana ada berlaku di mana seseorang yang telah berkhidmat dengan Kerajaan dan perkhidmatannya telahpun masuk di dalam skim pencen **iaitu** sudah melebihi 10 tahun tetapi oleh kerana belum sampai masa yang telah ditetapkan sebagaimana Yang Berhormat telah katakan tadi, **iaitulah** faedah persaraan hanya boleh diberi apabila, kalau perempuan 45 tahun dan lelaki 50 tahun.

Jadi, di dalam Rang Undang-undang **ini**, berhubung dengan penggantian Seksyen 12, Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan Seksyen 12 dengan yang berikut:-

"12(1) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai selain daripada pegawai negeri, dan Pihak Berkuasa Negeri, berkenaan

dengan pegawai negeri, boleh, atas permohonan pegawai itu memberi persetujuan tentang persaraan seorang pegawai apabila atau selepas mencapai umur empat un.

(2) Jika seseorang pegawai yang dilantik sebelum mula berkuatkuasanya seksyen ini bersara di bawah subseksyen (1) pegawai sedemikian bolehlah diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah hanya apabila mencapai umur:-

(a) empat puluh lima tahun bagi -

(i) seseorang pekerja perempuan;

xx xx xx xx xx

(b) lima puluh tahun bagi seorang pegawai lelaki,".

Jadi, apa yang saya ingin utarakan di sini kerana ada terdapat perkara ini berlaku buat masa ini pada pandangan saya, saya misalkan di sini stbagai contohnya seorang pegawai 'A' sudah berkhidmat dengan Kerajaan sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu sudah masuk di dalam skim pencen, tetapi dikehendaki untuk meletakkan jawatan kerana demi untuk kepentingan negara. Jadi, pegawai itu memanglah memilih jawatan yang terbaru ini daripada jawatan yang lama kerana maklum sahajalah, kita semua tahu Tuhan menyuruh kita mengubah nasib kita daripada yang buruk kepada yang baik dan daripada yang baik kepada yang lebih baik. Sebagaimana Firman Allah di dalam Al-Quranul karim yang bermaksud: "Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri yang akan mengubahnya."

Tetapi kepada pegawai 'B' yang sama berjawatan seperti pegawai 'A' juga, iaitu sudah masuk skim pencen dan diminta untuk berkhidmat kerana kepentingan negara.

Saya contohkah di sini dengan jelaslahj kerana mungkin kalau saya kata macam itu tidak jelas. Si 'A' tadi diminta supaya menjadi

Ahli Dewan Negara, Si'B' diminta supaya menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri. Tetapi si'B' dapat ganjaran dan pencen. Kenapa ini berlaku, saya rasa kalau semacam ini, ini sudah ada diskriminasi yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan kepada kedua-dua pegawai ini, sedangkan "A" .sama juga saya rasa pada pandangan saya tetapi tidak dapat, "B" dapat. Dan perkara ini memanglah bukan satu, dua orang sahaja yang beerlaku, yang peleknya Kepada kita, kalau sama-sama tidak dapat, tidak mengapa. Tetapi ada yang dapat, ada yang tidak dapat. Jadi, saya pohonlah keadilan ini diberi kepada orang-orang yang terkena ataupun terlibat dengan perkara-perkara yang seumpama ini;

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 ini juga, saya juga menyokong sepertimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim beberapa hari yang lalu iaitu berhubung dengan pencen kepada balu-balu angkatan tentera dan polis iaitu kepada mereka yang mendapat \$300 ke bawah, tidaklah perlu dipotong pencennya selepas 12 tahun ke atas. Kerana \$300 ini adalah terlalu kecil kalau kita bandingkan dengan keadaan sekarang yang serba serbi mahal dan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu perkara ini perlulah dipertimbangkan demi untuk mewujudkan masyarakat pengasih dan penyayang kepada kaum hawa yang telah menerima ujian dari Allah s.w.t. iaitu ditinggalkan oleh sumai, lebih-lebih lagi kiranya terpaksa memelihara dan mendidik anak-anak yang ramai untuk menjadi generasi yang berguna di masa depan. Kerana keselamatan generasi yang akan datang adalah menjadi penentu kepada kestabilan, keamanan dan kesejahteraan negara yang kita cintai.

Saya rasa setakat itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, pandangan daripada saya berhubung dengan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 ini dan saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

4.21 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama mengambil peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dan saya ingin turut serta menyokong supaya ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan untuk membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan bersara pada umur 40 tahun agak saya adalah untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk berniaga dan mengikuti kawan-kawan mereka di luar yang mendapat kehidupan yang agak lebih baik sebagai seorang peniaga. Saya ingin bertanya, jika tujuannya begitu, kenapakah ganjaran kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini diberi apabila mereka berumur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki. Kenapa tidak, apabila seseorang pegawai itu bersetuju hendak bersara pada umur 40 tahun maka ganjaran diberi kepada seseorang apabila mereka keluar dari perkhidmatan Kerajaan. Ini akan menolong pegawai-pegawai berkenaan untuk memulakan perniagaan jika mereka berhasrat berbuat demikian.

Jika seseorang itu berumur 40 tahun dan hendak mula berniaga dengan modal daripada wang simpanan beliau bekerja daripada umur 20 tahun hingga 40 tahun, Tuan Vang di-Pertua, maka sudah tentu ianya

tidak mencukupi. Oleh itu saya berharap Kerajaan akan memikirkan semula supaya ganjaran ini dapat diberi apabila mereka keluar daripada perkhidmatan Kerajaan apabila mereka berumur 40 tahun.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada mengatakan bahawa "...Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri, mengikut mana yang berkenaan, membersarakan seseorang pegawai daripada perkhidmatan awam. Mana-mana pegawai yang, pada masa perlantikannya, telah membuat apa-apa pernyataan atau memberi apa-apa maklumat atau membekalkan apa-apa dokumen yang didapati palsu, silap, tak tepat, tak lengkap, atau mengelirukan atau yang mungkin mengelirukan, boleh dibersarakan..."

Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang pegawai Kerajaan telah berbuat demikian, ini adalah sebahagian daripada rasuah. Di dalam perbahasan Belanjawan ada saya sebutkan bahawa rasuah ini bukan sahaja berupa wang ringgit. 'cash' yang diberi daripada seseorang kepada seseorang, tetapi termasuk juga perkara-perkara lain seperti menjual kertas kerja dan sebagainya.

Di peringkat Kerajaan Negeri, Tuan Yang di-Pertua, ada juga berlaku, apabila seseorang orang awam membuat permohonan tanah, misalnya, pelan tanah dikemukakan ke Pejabat Daerah atau Pejabat Tanah dan apabila ianya diterima di Pejabat Tanah, pelan itu akan disebar oleh kakitangan-kakitangan di Pejabat Tanah ini kepada orang luar dan dijual pula ini juga adalah sebahagian daripada rasuah. Maka jika seseorang pegawai Kerajaan sanggup memberi maklumat yang salah apabila mula bekerja ianya juga satu rasuah. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ianya tidak harus dibersarakan, tetapi ianya haruslah dibuang kerja sahaja tanpa apa-apa pampasan atau ganjaran kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.

4.25 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980, maka saya suka menyatakan bahawa kelonggaran bagi pemilihan hak pencen bagi seseorang amatlah wajar dan bertepatan dengan kehendak ataupun perubahan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan demikian kerana saya dapati ada dikalangan pekerja-pekerja wanita yang berumur dalam lingkungan 40 tahun atau lebih dan bilangan anaknya lebih daripada 3 orang, bercita-cita untuk bersara bagi membolehkannya menumpukan perhatian penuh untuk mendidik anak-anaknya dan mereka yang berkenaan ini ada yang berkelulusan universiti. Selain daripada menguruskan anak-anak ia juga untuk menguruskan rumahtangga dengan lebih baik dan sempurna dan sepertimana kata Yang Berhormat Dato' Azumu, saudara saya tadi, ada segolongannya pula yang hendak menceburkan diri di dalam perniagaan. Jadi, kenyataan beliau tadi adalah benar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengemukakan satu soalan untuk pengetahuan umum, sepertimana yang telah saya dapat tahu ada di kalangan pegawai-pegawai kontrak Kerajaan yang diberi ganjaran dua bulan gaji bagi tempoh perkhidmatannya, misalnya, setelah dua tahun berkhidmat diberi dua bulan gaji, tetapi ada juga yang berkhidmat selama satu tahun diberi ganjaran sebulan gaji- Begitu juga bagi kilang-kilang, tetapi ada pula pihak-pihak yang bertanggungjawab telah memotong ganjaran itu untuk pembiayaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ada juga yang tidak membuat

pemotongan tetapi dibayar dengan sepenuhnya. Jadi, bila berlaku ketidak-betulan dalam masalah ini itulah yang ditimbulkan dan saya kemukakan ini untuk mendapat penjelasan, Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

4.28 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980. Sebagaimana rakan saya katakan tadi bahawa Akta ini adalah bertepatan dengan masa umur persaraan pilihan perempuan diturun dari umur 45 tahun kepada 40 tahun dan begitu juga 50 tahun bagi lelaki kepada 40 tahun, kerana dalam jangkamasa umur inilah seseorang itu dapat bergerak aktif di dalam menjalankan tugas-tugas harian, termasuklah dibidang perniagaan. Cuma saya ingin mendapat perhatian Yang Berhormat dalam hal **ini**, setelah Akta ini diluluskan dan berkuatkuasa, sebelum ini ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun meletakkan jawatan pada umurnya 42 tahun dan 43 tahun semata-mata untuk menyahut seruan Kerajaan untuk bergerak di dalam bidang perniagaan dan saya berharap bila Akta ini dikuatkuasakan dapatlah pegawai-pegawai ini membuat rayuan kepada Jabatan berkenaan supaya pencen mereka juga dapat diambil kira.

Kedua, yang ingin saya menyentuh di sini ialah berhubung dengan masalah cukai pendapatan. Pesara-pesara sebelum berumur 55 tahun dikenakan cukai pendapatan dan kadangkala mereka dilonggokkan dengan jumlah yang banyak dan tidak berdaya untuk mereka membayar cukai pendapatan tersebut.

Jadi, sukalah saya menyatakan di sini kalau boleh dan memang kita minta dibolehkan bagi pesara-pesara ini yang telahpun di dalam ertikata bersara, pendapatan mereka itu hendaklah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menekankan tadi soal pemotongan 30% daripada pencen balu-balu yang telah mendapat jawapan daripada Menteri Kewangan sendiri, kajian akan dibuat. Seharusnya saya rasa, kajian itu hendaklah jangan begitu diambil kira dari segi implikasi kewangannya tetapi seharusnya kita memikirkan jasa dan tanggungan balu-balu ini. Saya rasa kalau kita kirakan implikasi kewangannya, memanglah mungkin berjuta-juta ringgit di seluruh negara tetapi beban kepada balu-balu ini juga harus kita fikirkan kerana mereka juga mungkin sudah tua, mungkin juga yang muda ada tanggungan dan kadang-kadang mereka ini memikirkan tanggungannya sampai ada setengah-setengah balu-balu ini walaupun muda tetapi mereka sanggup tidak hendak kahwin lagi kerana takut kehilangan pendapatan dari sumber pencen ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah mewujudkan jawatan baru dari Kerajaan-Kerajaan Negeri. Contohnya untuk mendapatkan jawatan Guru Agama, selalu ditimbulkan di peringkat Kerajaan Negeri masalah mendapatkan pencen. Soal jawatan tidak dapat hendak diadakan kerana pencen belum dipersetujui oleh pihak Pusat. Jadi saya haraplah jabatan-jabatan yang berkenaan dapat menyelaraskan perkara ini dengan lebih licin supaya masalah kekurangan pegawai-pegawai atau guru-guru di peringkat negeri ini dapat diisi melalui keputusan untuk memberi pencen kepada pegawai yang berkenaan yang dicadangkan itu. Kalau pun, misal kata, tidak ada diwujudkan pencen langsung, maknanya mereka mestilah menerima

cara sekarang ini melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun daripada sumber-sumber lain. Jadi, senang bagi pihak-pihak tertentu itu untuk mendapatkan pegawai-pegawai baru bagi mengisi kekosongan yang ada kerana kadang-kadang masalah pencen ini menyulitkan untuk Kerajaan Negeri mendapatkan pegawai baru untuk menambahkan pegawai yang kekurangan di setengah-setengah negeri.

Seterusnya saya mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk mengadakan Tabung Pencen bagi mengatasi masalah pencen yang berganda-ganda peruntukannya setiap tahun dan saya berharap dengan adanya Tabung Pencen ini, akan memberi peluang kepada Kerajaan untuk mendapatkan tambahan kewangan. Sebagaimana yang kita tahu, KWSP ada memberi keuntungan dan faedah kepada pencarum-pencarumnya dan saya rasa Tabung Pencen ini juga akan memberi sumbangan yang besar kepada pesara-pesara yang akhirnya nanti, beban Kerajaan untuk pesara-pesara ini untuk membayar pencennya agak lebih terjamin dan tidak membebankan kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah-hujah saya dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ya, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali.
4.34 ptg.

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-Undang Yang bertujuan meminda Akta Pencen 1980 ini. Undang-undang ini apabila diselenggarakan ada baiknya dan ada tidak baiknya.

Yang baiknya, kepada sayalah dengan hormat, saya bawa balik apa yang saya sebutkan dalam ucapan saya yang lalu, kekuatan pekerja-pekerja kita dalam Kerajaan ini khususnya ada lebih kurang 800,000 ataupun 900,000 orang. Kita pun sudah ketahui banyaknya pekerja-pekerja ini sudah mendatangkan bebannya kepada Kerajaan untuk membayar gaji dan segala-galanya. Ini bukan bermakna kita tidak guna lagi pekerja-pekerja yang baik, yang pandai, yang handal tidak sekali-kali.

Saya percaya dalam exercises yang telah dibuat oleh Kerajaan itu, banyak lagi yang boleh kita tutupkan pekerjaan itu demi untuk mengadakan pekerja-pekerja kita buat keseluruhannya supaya padat dan boleh mereka itu concentrate, dengan izin, tanggungjawabnya dan menjalankan kerjanya dengan excellence, dengan izin. Jadi, itu baiknya.

Yang mungkin datangkan kebimbangan ialah kepada pekerja-pekerja kalau mereka itu keluar, dapat atau tidak dapat kerja lagi. Umur dia sepertimana yang dicadangkan itu, 40 tahun untuk wanita bersara dan 50 tahun untuk lelaki. Sungguhpun 40 tahun itu masih muda lagi tetapi tidak begitu senang umur 50 tahun dan 40 tahun kepada wanita itu dapat kerja sepertimana orang muda. Itulah maksud saya.

Oleh kerana itu kalau Kerajaan hendak teruskan Akta ini saya merayu supaya pegawai-pegawai dan wanita-wanita yang akan bersara itu bayarkanlah segala pencen dia, ganjaran dia yang patut sangat diberi kepada mereka. Mereka itu telahpun bekerja sehingga umur mereka 40 ataupun 50 tahun. Mengapa lagi kita tahankan wang ringgitnya. Kalau mereka dapat ganjaran berpatutan dan juga pencennya, boleh juga mereka itu mulai kehidupan dia dengan keluarga mereka, anak isterinya itu dan tidak minta sedekah setengahnya oleh kerana kelam-kabut hendak adjust, dengan izin, life mereka.

Jadi, ini saya mohonlah kepada Kerajaan, bagi pihak mereka yang mungkin akan terlibat. Juga saya harap Akta ini tidak bersangkutan-paut dengan Angkatan Tentera. Saya percaya tidak. Saya baca Akta ini dan tidak ada nampak Akta ini terlibat dengan Angkatan Tentera, oleh kerana Tentera itu ada cara-cara ia berkhidmat, ada 55 tahun, 52 tahun, 50 tahun, 45 tahun dan kalau tentera biasa itu, dia boleh berkhidmat sampai 21 tahun ataupun umur dia sampai 45 tahun, kalau tidak salah saya. Kalau saya betul, jadi eloklah begitu. Saya ingat, kalau dicakarkan peraturan ini kepada Angkatan Tentera, mungkin akan mendatangkan satu kerumitan yang besar, oleh kerana tanggungjawab Tentera ini mungkin berlainan sedikit daripada tanggungjawab pekerja-pekerja yang lainnya,

Inilah yang saya ingin hendak kemukakan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong Akta ini, tetapi dari segi ganjarannya dan pencennya kalau tidak dapat bagikan hak mereka itu, bagikan setengah dahulu sebagai modal untuk membolehkannya mencari nafkah at that age, dengan izin. Selain daripada itu, saya tidak ada apa-apa, melainkan menyokong kepada Akta yang dikemukakan ini.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

4.38 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada 4, 5 orang Ahli-ahli Dewan Negara ini yang telahpun mengambil bahagian dalam perbahasan meminda undang-undang pencen ini.

Sukalah saya menjelaskan pertamanya kepada Yang Berhormat Puan Habidah yang menyatakan perbezaan dan menyebutkan seksyen 12, iaitu perbezaan seorang kakitangan Kerajaan yang meletakkan jawatan untuk kepentingan negara misalnya dilantik sebagai seorang Senator atau Setiausaha Politik. Ianya memang betul terletak di dalam dua Akta yang berbeza. Bagi seorang pegawai Kerajaan yang meletakkan jawatan atas kepentingan negara yang dimaksudkan di sini, ia sememangnya diberikan kerana selepas daripada Akta yang diluluskan, ia tertakluk kepada apa yang disebutkan. Bagi Setiausaha Politik, ianya terletak di bawah pindaan Akta Parlimen. Juga bagi ahli-ahli anggota pentadbiran yang lain seperti Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ianya terletak di bawah Akta Parlimen iaitu tidak di bawah undang-undang pencen yang ini.

Mengenai soal yang keduanya yang dibangkitkan bersama dengan Yang Berhormat Senator Majid berhubung dengan pindaan tentang pencen terbitan ini yang dipotong selama 12 tahun, Insyallah Kerajaan sedang menimbangkan perkara ini untuk tidak memotong 70% yang dikatakan itu bagi menjamin bahawa penerirna persaraan terbitan itu akan terus mengharungi hidup dengan lebih baik.

Tentang perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak, saya suka menjelaskan bahawa tujuan Kerajaan menurunkan had umur kepada 40 tahun ini bukanlah untuk membenarkan ataupun membolehkan pegawai Kerajaan yang meletakkan jawatan atau berpencen itu berniaga, tetapi sudah pastilah, sepertimana yang kita tahu bahawa Kerajaan sedang dalam usaha mengurangkan saiz perkhidmatan awam dan juga disentuh oleh Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth, Kerajaan sedang berusaha.

Pertamanya, salah satu daripadanya ialah dengan menurunkan had umur berpencen dan keduanya ialah mengadakan penswastan yang mana kita semua telah ketahui. Jadi, tujuannya ialah mengurangkan 810,000 kakitangan Kerajaan yang ada ini. Kerajaan akan mengurangkan melalui pilihan individu ataupun pegawai Kerajaan yang ingin bersara pada peringkat umur 40 tahun.

Kemudiannya, disebutkan tentang mengapa Kerajaan tidak membayar terus pencen ini seperti juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth umur 40 tahun berpencen, dibayar pada umur 40 tahun. Saya suka menegaskan bahawa had umur berpencen masih lagi kepada peringkat 55 tahun, tidak berubah. Sekarang 40 tahun ini adalah pencen pilihan bagi pegawai Kerajaan yang ingin untuk membuat pilihan sendiri, maka ianya adalah bergantung kepada kedudukan seperti yang saya telah jelaskan dalam pindaan ini, mereka akan diberi pencen pada peringkat 55 tahun selepas daripada Akta ini. Ini bukan sahaja pegawai Kerajaan bahkan Ahli-ahli Dewan ini pun yang berpencen muda tidak

akan dapat ganjaran pada peringkat mudanya itu kecuali pada peringkat umur 50 tahun. Jadi, ini semuanya yang akan dapat memungut ganjaran ataupun pencen mereka, itu adalah peringkat umur 55 tahun selepas daripada penguatkuasaan Akta **ini**. Jadi, ini saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa had umur pencen bagi negara kita ialah masih pada peringkat 55 tahun, pilihan diturunkan kepada 40 tahun bagi semua kategori sama ada lelaki atau wanita.

Yang keduanya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak tentang bagaimana kuasa diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Pihakberkuasa Tempatan dan Negeri hendak melupuskan bayaran pencen kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun memberikan dokumen palsu. Sememangnya kita bersetuju memang terdapat di dalam undang-undang di dalam negara dan Perintah Am Bab "D" yang boleh kita memecat buang kerja. Tetapi ini boleh jadi juga ianya akan makan masa yang lama, terpaksa mengambil tindakan mahkamah dan sebagainya yang pada peringkat tertentu mungkin tidak dapat diambil sebarang tindakan. Jadi, dengan adanya undang-undang ini bahawa pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun memberikan maklumat-maklumat palsu semasa dia memohon jawatan, pencennya boleh dihentikan, boleh dipersarakan apabila Akta ini diluluskan.

Jadi, bagi memperkukuhkan lagi peraturan yang sedia ada bagi membenarkan Pihakberkuasa Negeri atau Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mempencenkan pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun melakukan penipuan semasa mereka menjalani kerja itu. Jadi, saya tidak dapatlah hendak

menyebutkan tentang jual pelan tanah di Pejabat Tanah. Saya dahulu pernah bekerja di Pejabat Tanah juga. Saya tidak tahu sama ada ini benar. Jadi, soalan ini bukanlah termasuk dalam bidang kuasa ataupun menjelaskan tentang bab pencen ini.

Soalan Yang Berhormat Senator Tuan Saidin bin Mohamad tentang ganjaran dua tahun, 2 bulan gaji, sebulan gaji bagi pegawai kontrak, ini saya agak keliru sedikit sama ada yang bekerja itu dengan Kerajaan ataupun dengan pihak swasta. Kalau dalam bidang swasta, sudah pasti mereka mempunyai peraturan ataupun "regulations." sendiri, dengan izin, tentang perlantikan pegawai atau kakitangan mereka kalau pun ada dalam Kerajaan jawatan kontrak ini, ianya bergantung kepada syarat-syarat penerimaan jawatan, Jika sekiranya satu badan itu menerima perlantikan dalam tempoh dua tahun, kalau hendak berhentikan diberi ganjaran dua bulan gaji maka memanglah pihak berkenaan terpaksa memberi dua bulan gaji apabila hendak memberhentikan pegawai berkenaan. Ini mungkin termasuk di dalam perjanjian penerimaan jawatan. Ianya tidak terikat dengan jawatan-jawatan berpencen yang lain.

Jadi, ini dua kategori yang berbeza sama ada pihak swasta ataupun pihak Kerajaan, memang dalam Kerajaan telah terdapat kakitangan Kerajaan yang diambil secara kontrak seperti ini.

Tentang potongan KWSP dan sebagainya, ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada pegawai dilantik sama ada dengan swasta ataupun dengan pihak Kerajaan yang masuk di bawah KWSP, pemotongan Kumpulan Wang

Simpangan Pekerja, kalau sekiranya gajinya itu tidak dipotong dan pihak majikan itu tidak mencarumkan kepada KWSP maka sudah pastilah majikannya itu telah melakukan kesalahan di bawah Akta yang lain yang menjaga kepentingan KWSP ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit tentang perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah tentang letak jawatan 42 tahun atau 45 tahun ini hendak diambil kira cukai pendapatan mereka. Kerajaan tidak dapat menimbangkan pendapatan selepas seseorang itu meletakkan jawatan memang tertakluk kepada cukai pendapatan. Setiap siapa sahaja sama ada dia bekas pegawai ataupun tidak, sekarang sebarang pendapatan yang diperolehi oleh beliau adalah mesti dikenakan cukai pendapatan. Yang ini tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan, Kementerian Kewangan yang telahpun sedia ada. Jadi, kalau hendak minta dikecualikan pegawai yang meletakkan jawatan, lepas itu dia bekerja dapat pendapatan hendak dikecualikan, maka ini tidak dapat dilakukan oleh pihak Kerajaan kerana pendapatan yang diperolehi kepada setiap individu alam negara kita tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan yang mesti dibayar kepada Kerajaan.

Saya sudah menjelaskan tentang potongan pencen terbitan. Tentang jawatan guru agama yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini sama ada ianya tertakluk kepada Kerajaan Pusat, saya suka menjelaskan walaupun ini terkeluar daripada bidang pencen yang disebutkan ini bahawa perlantikan pegawai guru agama ini. Kalau sekiranya institusi ataupun institusi pendidikan itu terletak di

bawah Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri berkuasa untuk menimbang dan melantik dan memberi pencen, itu terpulanglah kepada Kerajaan. Tetapi sekiranya ianya terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan maka sudah pasti semuanya mesti dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana ianya untuk diselaraskan, termasuklah dalam pemberian pencen ini kerana Kerajaan Pusat bertanggungjawab dan berusaha memberi pencen kepada pegawai-pegawai yang dilantik sama ada pegawai Negeri ataupun pegawai tempatan yang dilantik. Jadi, ini memang satu peraturan bagi menyelaraskan pelantikan pegawai-pegawai Kerajaan. Ianya tidak boleh dibenarkan Badan-badan Berkanun ataupun Pihakberkuasa Tempatan untuk melantik sendiri pegawai-pegawai dan kakitangan mereka kerana kita belum tahu ada keupayaan bagi sesuatu agensi itu mampu atau tidak mereka membayar gaji, emolumen dan pencen yang terpaksa ditanggungjawab oleh Kerajaan Pusat. Ini sudah pasti.

Jadi, dalam soal guru agama ini, kalau sekiranya pendidikan itu terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri maka pegawai Kerajaan Negeri berkuasa untuk melantik. Dan sekiranya guru agama ini di bawah Kementerian Pendidikan, ianya sudah tidak lari, mestilah termasuk dalam jawatan guru agama yang berpencen dan juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang disediakan oleh pihak Kerajaan,

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth baik atau tidak baik, memanglah kita bersetuju bahawa sebutan Yang Berhormat Tan Sri mengatakan bahawa Kerajaan hendak mengurangkan saiz kakitangan Kerajaan, ini satu perkara yang tepat dan kita tidak nampak sama ada

bagaimana hendak menimbulkan soalan yang tidak baik, baik pencen terus. Ini saya sudah jelaskan tadi bahawa had umur berpencen masih peringkat 55 tahun dan pencen pilihan pada 40 tahun dan mereka ini boleh memungut pencen ataupun lain-lainnya pada masa umur mereka 55 tahun selepas Akta ini diluluskan.

Itulah saya mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan pindaan Akta Pencen ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA
BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Redua dan Ketiga

4.53 ptg.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1990 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239 ialah undang-undang pencen yang mentadbirkan urusan persaraan dan pengurniaan faedah persaraan bagi pekerjaan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.

Akta berkenaan telah berkuatkuasa pada 1hb Januari 1976. Rang Undang-undang Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1990 yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239 bagi mengemaskinikan Akta berkenaan.

Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta tersebut adalah seperti berikut:

Pertama ialah cadangan untuk meminda umur persaraan pilihan sendiri dari umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki kepada umur 40 tahun bagi semua pekerja, lelaki dan perempuan di dalam perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan. Pembayaran faedah persaraan bagi mereka yang sedang berkhidmat adalah dikekalkan pada umur 45 tahun bagi perempuan dan umur 50 tahun bagi lelaki manakala bagi mereka yang akan dilantik selepas Rang Undang-undang ini berkuatkuasa pembayaran faedah persaraan, iaitu ganjaran pencen dan faedah-faedah persaraan lain akan hanya dibuat apabila umur mereka genap 55 tahun. Dengan cara ini, peruntukan bagi pembayaran faedah persaraan dijangka boleh dikekalkan pada tahap yang ada sekarang ini.

Kedua ialah cadangan memberi opsyen kepada pekerja yang baru dilantik untuk memilih skim pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan

Cadangan ketiga ialah mengadakan peruntukan untuk membolehkan mana-mana pekerja yang semasa dilantik telah memberikan pernyataan, maklumat, atau dokumen palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan dibersarakan daripada perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Seksyen baru 6A. Seksyen baru 6A dicadangkan dimasukkan di dalam Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1990 untuk membolehkan seseorang pekerja baru yang dilantik pada atau selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini, sebelum disahkan dalam jawatannya, diberi opsyen untuk memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, atau skim pencen. Sekiranya pekerja berkenaan memilih Skim KWSP, peruntukan-peruntukan Akta **ini**, kecuali peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di bawah seksyen baru 6A itu yang berhubung dengan persaraan paksa dan persaraan di bawah subseksyen (5), seksyen 10 tidaklah terpakai baginya. Pelaksanaan opsyen tersebut adalah muktamad.

Pindaan seksyen 7. Pindaan Seksyen 7 dicadang dipinda untuk membolehkan seseorang pegawai berpencen di bawah Akta Pencen 1980, Akta 227 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang telah ditukar tetap secara lantikan ke perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan disifatkan menjadi pekerja berpencen bagi maksud Akta ini. Pada masa ini, untuk menjadi seorang pekerja berpencen, pegawai berkenaan hendaklah ditukarkan secara tetap ke perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan.

Pindaan seksyen 10. Seksyen 10 dicadang dipinda untuk memperuntukkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk membersarakan mana-mana pekerja yang pada masa perlantikannya telah membuat **apa-apa** pernyataan atau memberi apa-apa maklumat atau membekalkan apa-apa dokumen yang didapati palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan.

Pindaan seksyen 12. Seksyen 12 dicadang dipinda untuk menurunkan umur persaraan pilihan sendiri daripada umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki kepada umur 40 tahun bagi perempuan dan lelaki. Walau bagaimanapun, pencen, ganjaran dan lain-lain faedah persaraan hanya boleh diberi kepada pekerja-pekerja ini apabila mereka mencapai umur 45 tahun bagi pekerja perempuan dan 50 tahun bagi pekerja lelaki yang sedang berkhidmat atau 55 tahun bagi mereka yang akan dilantik pada masa hadapan, mengikut mana yang berkenaan, sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 12 yang dicadangkan untuk dipinda itu,

Pindaan seksyen 14. Seksyen 14 dicadang dipinda bagi menyatakan dengan jelas kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan kepada seseorang pekerja yang bersara di bawah seksyen 10(5)(d) dan bagi mengadakan kuasa untuk membayar pencen, ganjaran atau lain-lain faedah persaraan kepada seseorang pekerja yang mungkin dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(f) yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tidak ada yang hendak bercakap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAH BOMBA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.52 ptg.**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1988 Dewan yang mulia ini telah meluluskan Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang seterusnya telah diwartakan untuk berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1989. Di antara peruntukan di dalam Akta ini ialah penubuhan satu Kumpulan Wang Kebajikan Perkhidmatan Bomba yang bertujuan membantu anggota-anggota Perkhidmatan Bomba yang mengalami kemalangan atau kecederaan semasa menjalankan tugas mereka.

Di samping derma dari orang ramai dan lain-lain punca kutipan untuk kumpulan Wang ini, Kerajaan juga bercadang membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang ini. Buat masa ini peruntukan peraturan Kumpulan Wang ini tidak termasuk sumbangan dari Kerajaan sebagai salah satu punca pendapatannya. Oleh itu adalah dicadangkan suatu pindaan dibuat kepada peruntukan Akta ini dengan memasukkan peruntukan bahawa semua jumlah wang yang disumbangkan oleh Kerajaan dijadikan salah satu punca pendapatan bagi Kumpulan Wang ini. Ini akan membolehkannya menerima sumbangan dari Kerajaan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Kumpulan Wang ini akan melibatkan penggunaan duit yang disumbangkan oleh orang ramai dan juga Kerajaan, maka dianggap wajar untuk mengetatkan peraturan

mengawal-selia pentadbiran Kumpulan Wang ini. Buat masa ini peruntukan dalam Akta ini meletakkan tanggungjawab ini semata-mata kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba sekarang. Adalah difikirkan ini kurang wajar. Oleh itu adalah dicadangkan pindaan kepada Akta ini dengan mengadakan peruntukan bagi menubuhkan suatu Jawatankuasa yang akan bertanggungjawab mengawal pentadbiran Kumpulan Wang ini.

Keanggotaan Jawatankuasa tersebut dicadangkan seperti berikut:

- (a) Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba sebagai Pengerusi;
- (b) 2 orang Pegawai Kanan Bomba sebagai ahli yang dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Perkhidmatan Bomba; dan
- (c) 2 orang pegawai awam lain yang juga dilantik oleh Menteri tersebut.

Dengan adanya pindaan-pindaan ini adalah dipercayai Kumpulan Wang Kebajikan ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi demi mencapai objektif asalnya sebagaimana yang diharapkan oleh Dewan yang mulia ini apabila meluluskan Akta Perkhidmatan Bomba itu dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Tuan Tiong Hiew King.

5.03 ptg.

Tuan Tiong Hlew King: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1990.

Rang Undang-undang ini bertujuan membuat beberapa pindaan serta memasukkan peruntukan baru ke dalam Akta. Dengan pindaan dan kemasukan peruntukan baru ke dalam Akta itu, Kumpulan Wang Kebajikan itu akan dikawal dan ditadbirkan mengikut ketetapan Akta ini, dan kebajikan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba pun akan dipelihara dengan lebih baik. Diketahui di bawah Akta baru ini Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah wang bagi Kumpulan Wang Kebajikan. Oleh yang demikian, saya mengucapkan sokongan kepada Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1990 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya ingin mengutarakan sedikit pendapat saya tentang pencegahan kebakaran di negeri Sarawak sahaja. Sepertimana yang diketahui, risiko atau kemungkinan kejadian kebakaran akan bertambah dengan perkembangan masyarakat dan pembangunan kawasan yang pesat. Kerana itulah bilangan kes kebakaran meningkat dari tahun ke tahun di negeri Sarawak. Mengikut angka yang saya dapati, negeri Sarawak telah mencatatkan tambahan kes kebakaran sebanyak hampir 33% kepada 803 kes bagi tahun 1990. Demi untuk menyelamatkan harta-benda dan nyawa rakyat, Kerajaan, terutamanya Jabatan Perkhidmatan Bomba diminta memberi perhatian lebih dengan menyediakan kemudahan-kemudahan atau kelengkapan menentang kebakaran dan meningkatkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu perkara ini memang melibatkan beberapa aspek yang saya akan huraikan di sini.

Pertama, pembangunan dan kemajuan kawasan yang pesat berikutan pertumbuhan ekonomi. Kerana itu penduduk berpindah masuk ke bandar atau pekan untuk mencari rezeki. Rumah-rumah dan bangunan-bangunan tinggi naik dengan cepat di merata-rata tempat. Maka ketetapan-ketetapan dalam Akta Perkhidmatan Bomba harus dikuatkuasakan dengan tegas supaya memastikan bahawa segala bangunan, terutamanya di kawasan yang padat penduduknya, mempunyai kemudahan menentang kebakaran atau pemasangan alat keselamatan yang cukup, seandainya berlaku sesuatu kebakaran.

Kedua, Balai-balai Bomba harus ditubuhkan di setiap kawasan dan Balai Bomba itu mesti dilengkapi dengan secukupnya agar berkemampuan untuk menyempurnakan tugasnya. Sehubungan ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan di atas kekurangan kelengkapan dan kemudahan menentang kebakaran di beberapa Balai Bomba. Umpamanya, di Sibu, pembangunan begitu pesat, penduduk bertambah, bangunan tinggi dan perumahan muncul atau, spring-up, dengan izin, seperti tunas buluh tumbuh setelah hujan musim bunga. Tetapi kelengkapan dan kemudahan tentang kebakaran masih kurang, masih seperti dahulu dan tidak berdaya menemui keperluan. Balai Bomba Sibu hanya diuruskan oleh tiga orang pegawai sahaja yang diberi tanggungjawab sebesar itu. Di kawasan Bandar Sibu hanya terdapat satu Balai Bomba dengan tiga unit jentera bomba - snorkel atau skylift pun tidak ada. Bagaimana boleh kita mengharapkan mereka dapat melawan kebakaran jika kebakaran terjadi di tingkat sepuluh atau lebih tinggi?

Satu lagi contoh, di bandar Bintulu yang berkembang dengan pesat, kini menjadi satu bandar perindustrian di Sarawak. Di bandar yang penduduknya makin bertambah padat itu hanya terdapat satu Balai Bomba kecil sahaja yang, mengikut laporan suratkhobar, boleh disamakan dengan garrage. Kelengkapan pun tidak cukup - satu unit jentera bomba sahaja. Tempoh hari, sebuah kedai tayar celup kena api dand dalam setengah jam sahaja habis dimakan api.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mendapat tahu bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam, 6 buah Balai Bomba baru akan dibina - 2 di Kuching dan lainnya di Miri, Limbang, Lawas dan Marudi. Selain dari itu saya ingin merayu kepada Kerajaan terutamanya Kerajaan berkenaan supaya dapat berusaha menyediakan peruntukan untuk menubuhkan lebih banyak balai bomba dan kelengkapan cukup dan moden di mana-mana tempat yang padat penduduknya dan juga untuk menambah kelengkapan dan membaiki perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, pili air atau fire hydrant, dengan izin, dapat diletak atau dipasang di mana-mana tempat yang strategik, jikalau tempat itu adalah terletak jauh dari balai bomba yang ada atau jikalau di situ tak ada balai bomba. Selain itu, harus juga dipastikan bahawa di situ ada air atau bekalan air yang cukup atau kuat, kadangkala terdapat tak ada air atau air tak kuat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya penekanan hendaklah diberi kepada latihan kakitangan-kakitangan bomba. Latihan menentang kebakaran harus diadakan kerap kali. Jika boleh, kakitangan-kakitangan Jabatan Kerajaan dan orang ramai juga dipelawa untuk menyertai latihan itu. Selain itu, pengetahuan tentang menentang kebakaran atau mengelakkan kebakaran harus juga disebar seluas-luasnya di kalangan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penyempurnaan kelengkapan dan kemudahan balai bomba, dengan kesedaran dan kerjasama orang ramai, saya berharap kejadian-kejadian kebakaran akan boleh dikurangkan dan dicegahkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya. Sekali lagi saya mengucapkan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1990. Terima kasih.

Tuan Adam bia Kadir: Silakan.

5.12 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh mengalu-alukan pindaan ini supaya menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengambilkira

kebajikan ahli-ahli bomba. Kita sedia maklum apabila satu-satu kebakaran berlaku akhbar-akhbar sentiasa menitikberatkan berapa kerugian harta-benda sahaja ataupun liputan akhbar-akhbar mereka tumpukan kepada harta-benda seseorang itu. Kita haruslah sanjung tinggi kepada ahli-ahli bomba semasa menjalankan tugasnya, mereka mengalami kecederaan dan ada juga mereka mengalami kematian di dalam menjalankan tugasnya. Oleh sebab itu, pindaan ini adalah tepat dan kena pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli bomba bukan sahaja diperlukan semasa kebakaran masalah perkhidmatan mereka juga kita perlukan semasa satu-satu kemalangan berlaku di mana ahli-ahli bomba terpaksa dipanggil untuk memberi pertolongan di dalam satu-satu kemalangan. Mereka adalah satu kumpulan yang memberi satu jasa yang baik kepada negara.

Saya syorkan supaya gaji mereka harus Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji balik kerana mereka adalah satu golongan yang mahupun panas ataupun hujan apabila menerima satu-satu panggilan telefon, mereka berkejar ke tempat itu. Kadang-kadang ada juga panggilan-panggilan telefon yang palsu. Ada golongan yang kurang bertanggungjawab membuat panggilan untuk bomba walaupun tidak ada sesuatu kejadian.

Saya merayu kepada Jabatan Bomba kerana perkara ini telah juga ditimbulkan dalam Dewan ini beberapa kali supaya Jabatan Bomba memberi latihan kepada pasukan-pasukan sukarela di kampung-kampung, di bandar-bandar mahupun di sekolah-sekolah. Kalau boleh, kita mendidik masyarakat betapa bahayanya kebakaran dan punca-punca kebakaran. Sebelum satu-satu kejadian berlaku haruslah kita beri satu tunjuk ajar kepada masyarakat supaya mereka berwaspada tentang kebakaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Pasukan Bomba itu seperti yang dicadangkan oleh rakan saya, sentiasa periksa fire hydrant, dengan izin. Janganlah pada masa ada satu-satu kebakaran, datang ke sana tidak ada cukup air, ini akan membawa satu-satu kejadian yang tidak diingini. Oleh sebab itu, ahli-ahli bomba hendaklah sentiasa periksa fire hydrant. Saya sedia maklum, untuk memeriksa fire hydrant, Kementerian telahpun menyediakan van-van khas untuk ahli-ahli bomba supaya mereka buat segala pemeriksaan. Saya ada menerima teguran daripada orang ramai bahawa ahli-ahli bomba itu kadangkala gunakan van itu untuk pergi ke market. Ini akan menjejaskan imej Jabatan itu. Jangan bawa keluarga dengan van itu untuk membuat kerja-kerja persendirian. Ini akan menjejaskan bukan sahaja Jabatan Bomba, tetapi akan menjejaskan imej Kerajaan juga. Ini bukan sering berlaku di merata-rata tempat, mungkin satu-dua tempat di kawasan pendalaman. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan ambilkira dengan hati terbuka atas teguran saya ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, ada orang terpelajar atau kurang terpelajar juga, apabila dia hendak letak kereta, dia tidak letak pada tempat untuk letak kereta, mungkin ada fire hydrant pun dia letak kereta di situ juga. Mungkin kalau Polis nampak, dia ke- luarkan kereta itu. Saya syorkan supaya Jabatan Bomba, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyelaraskan dengan Dewan Bandara- ya, Dewan Bandaraya adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kera- jaan Tempatan, menyelaraskan dengan Pasukan Polis Di Raja Malaysia supaya tuanpunya-tuanpunya kereta yang meletak kereta di hadapan fire hydrant itu diberikan satu kesalahan yang besar supaya kompaun- kan 10 kali pun tak apa, ini masa kesesakan. Perkara ini Ahli Yang Berhormat pun buat juga, saya bukan kata orang ramai sahaja. [Ketawa] Dia cari tempat, bila tak ada tempat, dia letak kereta di situ. Apabila satu-satu masalah kebakaran berlaku, kereta-kereta mereka ini akan mengganggu kerja-kerja ahli bomba.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat ini bercakap daripada pengalamankah?

Tuan C. Krishnan: Mungkin. [Ketawa] Dengan izin, incident as a teacher, kemungkinan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau silap pun, orang British kata, if you are wrong, admit it quickly. [Ketawa]

Pada keseluruhannya saya nampak masyarakat kurang civic conscious mengenai fire-hydrant. Oleh sebab itu, saya harap Kementerian akan menyelaraskan dengan pegawai-pegawai Polis ataupun Jabatan PoliS untuk memberi pendidikan kepada orang ramai supaya sentiasa berawas-awas kepada tanda-tanda fire-hydrant.

Dengan kata-kata, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan Akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Sila Tan Sri.

5.21 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) yang tersebut. Walaupun demikian, saya kurang pasti terhadap berapa banyakkah stesen Bomba yang ada di dalam negara kita ini dan apakah agaknya konsep diadakan satu-satu Bomba itu diadakan pada tempat-tempat yang tertentu mahupun di bandar ataupun di kampung. Selanjutnya, adakah mencukupi Bomba-bomba yang ada di negara kita ini, setelah kita lihat kebakaran yang berlaku begitu kerap-kali di negara kita ini buat keseluruhannya. Adakah juga alat-alat Bomba itu mencukupi? Adakah alat-alat itu moden dan boleh melawan kebakaran yang nampaknya sekarang ini luar biasa dari segi cukup atau tidak tangganya hendak memanjat ke atas ataupun boleh atau tidak air itu sampai ke situ atau force air itu boleh tiba ke situ, dengan izin. Ini semua membimbangkan apabila saya sendiri telah melihat satu-satu kejadian itu.

Sungguhpun saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan, segalanya dalam hal itu juga saya ingat harus pihak yang berkenaan itu meneliti dengan sebaik-baik dan sehalus-halusnya dan juga dapat membandingkan Bomba di negara lain itu yang biasa melawan api yang begitu besar dan kencang. Saya ingat tidak rugi kalau kita buat begitu demi untuk keselamatan harta benda kita dan negara kita amnya.

Begitu juga saya lihat bahawa dalam Pasal 3 itu ada cadangan supaya Kerajaan boleh menghulurkan wang terhadap kebajikan Perkhidmatan Bomba. Ini adalah sangat baik. Saya ingat kalau boleh diberi kepada mereka itu, ia boleh juga diberi kepada Persatuan Bekas Perajurit kita. Saya ini tumpang menyelit sahaja di sini iaitu mereka juga memerlukan dan saya ingat Kerajaan akan memikirkan. Walau bagaimanapun, itu semua lain perkaralah. Tetapi berbalik semula kepada kisah Akta ini, dari segi latihannya, latihan orang-orang Bomba sangat-sangat penting. Saya harap kalau kita kekurangan orang yang handal untuk melatih orang Bomba kita, tidak rugi kalau kita bayar duit dan jemput pakar-pakar daripada negara-negara yang lain.

Akhirnya, saya juga ingin mengesyorkan, oleh kerana nampaknya tanggungjawab dan cara melawan api Bomba itu macam tentera juga, harus agak diadakan satu medal. Kalau mereka buat satu kerja yang luar biasa, Kerajaan boleh awardkan medal kepada mereka itu. Ini boleh mendatangkan semangat kerja mereka lebih kuat lagi.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin.

5.25 ptg.

Tuan Haji Jamaludiu bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi keizinan kepada saya untuk bercakap. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba 1990 yang dibawa oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Apa yang saya ingin menyarankan di sini ialah mengenai kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan bagi Perkhidmatan Bomba ini. Apabila kita menyebut masalah kelengkapan, iaitu segala kelengkapan yang memerlukan bersabit dengan kebakaran ini mestilah ada dan ianya mestinya baik. Apabila baik, ia boleh digunakan. Oleh sebab itu, kelengkapan ini adalah paling mustahak dan mesti diperbekalkan sepenuhnya di semua balai-balai Bomba di seluruh negara.

Oleh yang demikian, saya yakin bahawa hari ini kita mendapat satu Timbalan Menteri yang sama-sama dengan Kementerian saya dahulu, orang yang paling rajin bekerja dan dari hari ini kita memohon bahawa pegawai-pegawai di Kementerian itu membuat lawatan-lawatan yang tertentu, aturan-aturan masa yang tertentu supaya semua kelengkapan yang ada di balai-balai Bomba itu dipastikan ianya baik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah bersabit dengan kerja-kerja Bomba **ini**. Ada satu ketika dahulu kebakaran berlaku di tempat saya, iaitu di Kuala Pilah, maka kereta Bomba itu tidak dapat dipergunakan sepenuhnya dan yang paling mendukacitakan hanya satu sahaja kereta Bomba di ketika itu iaitu semasa berlaku kebakaran

itu. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Perkhidmatan Bomba di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa perkara-perkara ini kita tidak mahu akan berlaku lagi pada masa-masa akan datang.

Bersabit dengan fire-hydrant, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini bersangkutan dengan Jabatan Bekalan Air. Oleh yang demikian, bukan sahaja kerjasama kita perlu bahawa pegawai-pegawai yang ada di daerah-daerah, di negeri-negeri dan juga di pusat-pusat, kerjasama di antara Jabatan Bekalan Air dengan Bomba ini mesti dipereratkan lagi demi menjauhkan perkara-perkara kekurangan bekalan air apabila kebakaran-kebakaran terjadi.

Di samping itu juga kelengkapah. Kalau kita bekerja, hati hendak senang, kalau kita berjalan juga hati hendak senang dan kalau meninggalkan rumah untuk menjalankan pergi memadam api pun hati hendak senang. Oleh yang demikian, rumah-rumah pekerja Bomba ini perlu diambil berat kerana apa yang ada hari ini ialah rumah-rumah yang masih mempunyai dua bilik. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya memohon bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan Menteri yang rajin kerja, saya tahu tiap-tiap hari pergi keluar buat kerja, tolong pergi tengok sedikit rumah-rumah ini, sebab saya tahu kalau keluarga ini tinggal dengan selesa, insya Allah, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh penjaga ataupun oleh orang tua, oleh ibubapa yang meninggal anak di rumah, saya rasa selesa. Dan bukan ini juga, pegawai-pegawai Bomba ini tidak boleh meninggalkan balai, pegawai-pegawai Bomba ini tidak boleh

pergi jauh daripada balai sama ada mereka bertugas ataupun tidak kerana kebakaran ini memerlukan banyak tenaga. Oleh sebab itu, orang-orang yang tidak bertugas pun perlu hadir apabila kebakaran berlaku. Oleh yang demikian, keselesaan, tempat riadah mereka pun perlu diambil berat, tempat riadah - terapat ping pong, tempat sepak raga dan tempat vollyball hendaklah dibuat di kawasan itu supaya mereka tenang untuk menjalankan tugas-tugas.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang ingin saya menyentuh ialah masalah pakaian. Berapa pakaian yang diberi setiap tahun kepada ahli-ahli Bomba ini? Kalau hanya dengan dua pasang, saya rasa tidak cukup. Saya belum meneliti sepenuhnya berapa pasang, tetapi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membuat kajian **ini**. Saya rasa beliau akan pergi, sebab beliau pun baru menjawat jawatan Timbalan Menteri di Kementerian ini dan saya tahu beliau memang orang yang begitu aktif.

Mengenai masalah pakaian tadi, saya ingin membabitkan sekali lagi, pakaian semasa bertugas dan juga semasa pergi memadamkan api perlu ada keseimbangan. Ambil satu inisiatif, saya pohon, pada Kementerian, supaya pakaian-pakaian ini dapat bersesuaian dengan keadaan semasa mereka bertugas.

Tuan Yang di-Pertua, buat ketikanya saya orang baru di sini, saya rasa cukup dahulu setakat ini dan dengan hati yang terbuka saya menyokong Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1990.

Sekian terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab. Silakan.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan. Rang Undang-undang yang dibawa sekarang, iaitu Yang Berhormat Datuk Tiong Hiew King, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan, Yang Berhormat Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth dan Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

Sesungguhnya saranan-saranan dan pujian-pujian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan simpati kepada ahli-ahli bomba dan perkhidmatan bomba sangat-sangat disanjung tinggi oleh bukan sahaja saya, malah dan saya percaya keseluruhan anggota-anggota perkhidmatan bomba.

Sememangnya menjadi hasrat Kementerian dan Jabatan Bomba untuk mempertingkatkan perkhidmatan, bahkan sekiranya Kerajaan dengan kemampuan kewangan yang cukup dapat meluluskan apa yang telah dipohon oleh Jabatan Bomba untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan bomba dan juga membina seberapa banyak balai-balai bomba, saya percaya masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak akan wujud. Tetapi memandangkan keadaan kewangan yang terhad, maka

kemungkinan besar kita terpaksa mempertingkatkan kemampuan ini secara berperingkat-peringkat dengan memberikan keutamaan dan mendahulukan mana-mana yang lebih utama, yang lebih penting dari segi aspek-aspek kemungkinan kebakaran berlaku dan juga dari aspek-aspek menghadapi api di mana pencegahan ataupun melawan kebakaran itu adalah penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Datuk Tiong Hiew King mengenai perkhidmatan bomba di Sarawak. Saya ingin menekankan di sini bahawa Jabatan Bomba bukan sahaja sedar, bahkan telahpun mengambil tindakan. Baru-baru ini Ketua Pengarah Bomba telahpun melawat Sarawak untuk memperbaharui lagi kedudukan perkhidmatan bomba di Sarawak dengan mendapatkan maklumat-maklumat mutakhir bagaimana cara-cara untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan bomba di Sarawak. Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya sebutkan tadi, untuk menentukan kelengkapan ini, kita terpaksa menghadapi cabaran kerana pembangunan yang begitu pesat di seluruh negara, maka kemungkinan kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat secara menyeluruh kerana ada perkara yang dibangkitkan itu bersamaan dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebelumnya, tetapi kebanyakan perkara itu bolehlah saya huraikan seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, balai-balai bomba di seluruh negara memang tidak cukup. Kita hanya ada 152 balai bomba di seluruh negara dan kita berhasrat untuk menambah jumlah balai-balai bomba ini dengan lebih banyak lagi kerana menjadi matlamat Perkhidmatan Bomba untuk sampai kepada satu punca kebakaran dalam masa kurang daripada 10 minit. Kalau ini dapat kita laksanakan, bermakna api kebakaran itu boleh kita bendung dan sebahagian besar dari kerosakan akan dapat kita selamatkan dan kita boleh menyelamatkan banyak harta-harta yang sekiranya kita lambat sampai akan menjadi rosak.

Dalam hal ini kita berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak lagi meletak kereta di pili-pili air atau fire hydrant. Kalau sudah buat, jangan buat lagilah, dan saya percaya tidak ramai Ahli Yang Berhormat yang berbuat demikian. Saya rasa Yang Berhormat Tuan C. Krishnan mungkin berseloroh atau bergurau dan saya percaya setiap Ahli Yang Berhormat sedar betapa pentingnya tempat fire hydrant ini dikosongkan.

Saya bersetuju supaya denda yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang menghalang fire hydrant ini, bila masa ketika kecemasan, maka ianya tidak, dapat digunakan. Mungkin melalui media massa, mungkin melalui nasihat-nasihat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, maka orang ramai akan lebih insaf dan sedar bagaimana pentingnya mengosongkan fire hydrant itu pada bila-bila masa sekali pun.

Pili air ataupun fire hydrant ini telahpun melalui satu proses yang kita panggil proses bapa angkat fire hydrant, iaitu supaya ada pihak-pihak yang sanggup meneliti, melihat dan menjaga kebaikan dan kesempurnaan fire hydrant ini pada bila-bila masa. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka yang telah menunjukkan minat dan bersungguh-sungguh pula melibatkan diri dengan skim bapa angkat fire hydrant ini menjalankan tugasnya dengan baik. Sekumpulan mereka yang baru-baru ini telahpun dipaparkan dalam akhbar menunjukkan minat yang baik itu saya harap boleh menjadi contoh pula kepada orang lain kerana kepakaran ini bukan sahaja melibatkan kepentingan individu, tetapi ianya melibatkan kepentingan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi latihan kepada ahli-ahli bomba, sememangnya kita menyediakan latihan agar ahli-ahli bomba ini tidaklah dijangkakan seperti apa yang difikir oleh orang ramai-mereka hanya berdiam diri menunggu apabila berlaku kebakaran barulah

sibuk bekerja dan sebagainya, tetapi sebaliknya di masa-masa tidak ada kebakaran, masa-masa mereka digunakan untuk memberi latihan kepada bukan sahaja diri mereka untuk mempertingkatkan lagi keupayaan dan kecergasan mereka seperti berkawat, meningkatkan disiplin, memeriksa kelengkapan dan sebagainya. Walaupun di kawasan Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin ada kereta bomba rosak, itu mungkin saya rasa adalah satu exception to the rule.

Mereka juga ditugaskan untuk memberikan syarahan-syarahan ataupun nasihat-nasihat kepada murid-murid sekolah bagaimana hendak mencegah kebakaran, menghadapi kebakaran dan sebagainya dari segi keselamatan. Dengan sebab itu mereka sentiasa sibuk, bahkan ahli-ahli bomba bukan sahaja diminta melawan api semasa kebakaran tetapi kadangkala diperlukan juga untuk melawan binatang-binatang buas, seperti menangkap ular sawa, ular senduk dan sebagainya. Begitu juga untuk membantu di dalam kemalangan yang melibatkan di mana kenderaan itu telah remuk ataupun melibatkan mangsa kanalangan tersepit dan sebagainya maka perkhidmatan bomba ini digunakan untuk membantu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ahli-ahli bomba juga sentiasa diarahkan menyiasat tempat-tempat yang boleh menjadi punca kebakaran untuk mengenalpasti supaya langkah-langkah pencegahan dapat dipertingkatkan. Ini termasuklah menjaga pili-pili air ataupun fire hydrant. Dari juga mengesan punca-punca air supaya apabila berlaku kebakaran maka tidaklah menghadapi masalah kekurangan air.

Selain daripada itu, mereka juga diperlukan memberikan perkhidmatan yang lebih baik melalui proses melengkapkan diri dengan cara melawan kebakaran yang lebih sofistikated sekarang ini, kerana kebakaran pada masa ini tidaklah sama seperti menghadapi kebakaran di masa-masa yang lalu. Sekarang ini ada berlaku industrial fire ataupun api yang bukan sahaja api biasa tetapi api yang meliputi bahan-bahan asid dan toksid yang kalau mengenai kepada

barang-barang ataupun badan, ianya boleh menyebabkan kerosakan yang lebih besar dan juga penderitaan yang lebih tenat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya juga ingin menekankan iaitu ahli-ahli bomba akan diberikan perhatian yang lebih tinggi lagi dari segi kebajikan mereka melalui Tabung ini dan kajian juga akan dibuat mengenai tanggagaji sepertimana yang telah dibuat kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Untuk makluman, penambahan gaji yang baru sahaja diluluskan oleh Kerajaan akan juga melibatkan pihak Jabatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk menyediakan kemudahan perumahan untuk anggota bomba, kita sentiasa merancang dan banyak kemudahan-kemudahan yang akan dibina di masa-masa yang akan datang untuk melengkapkan lagi kemudahan-kemudahan supaya bersesuaian dengan keadaan mereka dan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai uniform, saya percaya ianya ada dalam kajian pihak Jabatan Bomba sama ada mencukupi ataupun tidak tetapi sekiranya didapati tidak mencukupi sudah pastilah langkah-langkah akan diambil untuk menentukan supaya uniform-uniform yang mencukupi supaya mereka sentiasa kemas, sentiasa berada di dalam keadaan yang selesa apabila menghadapi/melawan kebakaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Briged Setia, sememangnya kita akan membesarkan Briged Setia ini, saya menyarankan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Senator dan juga Ahli-ahli Parlimen untuk mewujudkan Briged Setia ini di kawasan masing-masing kerana sepertimana yang Ahli Yang Berhormat katakan dan maklum bahawasanya

mereka ini boleh memainkan peranan bukan sahaja semasa melawan api .kebakaran tetapi. juga boleh membuat persediaan untuk mencegah kebakaran. Mereka boleh memberikan maklumat-maklumat yang lengkap kepada pihak bomba untuk membuat persediaan. Selain daripada itu, mereka juga boleh membantu meugenai penyeliaan fire hydrant. Di-samping itu mereka juga boleh diberikan kelengkapan untuk menghadapi kebakaran, di samping latihan-latihan yang kita akan beri semasa mereka melibatkan diri sebagai ahli Briged Setia.

Selain daripada itu, Briged Setia ini juga diharapkan boleh membantu kerja-kerja kemasyarakatan, melibatkan diri dengan masyarakat setempat, misalnya membantu usaha-usaha gotong-royong, membersihkan kawasan-kawasan masjid, surau, balai raya, tempat perhimpunan, memperbaiki jambatan dan sebagainya di samping menjadi pembantu untuk menentukan supaya keselamatan di tempat itu boleh dipertingkatkan, memberi maklumat mengenai masyarakat-masyarakat yang perlu dibantu, yang memerlukan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya kerana ada di tempat-tempat di mana orang-orang yang memerlukan bantuan seperti itu, tidak dimaklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Maka mereka ini boleh membantu sebagai Briged Setia ini bukan sahaja melawan dan mencegah kebakaran tetapi boleh juga melibatkan kerja-kerja kemasyarakatan yang lain termasuklah ibu bapa yang mendera anak-anak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang telah saya bangkitkan, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyarankan supaya Jabatan Bomba ini memikirkan kelengkapan yang lebih sofistikated untuk menghadapi kebakaran

bangunan-bangunan di bangunan tinggi dan menyediakan kereta-kereta bomba yang lebih sotistikated.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telahpun mengkaji dan mempertingkatkan usaha-usaha ini dan baru-baru ini kita telahpun membeli beberapa buah kereta bomba yang paling moden, yang boleh mempertingkatkan lagi keupayaan untuk melawan kebakaran. Dua lori bomba telahpun disampaikan kepada Jabatan Bomba Shah Alam, kerana di situ kita fikirkan tempat yang paling berpotensi untuk menghadapi/mencegah kebakaran kerana di situlah tempat kawasan-kawasan industri yang banyak.

Saya percaya kita akan mendapatkan peruntukan yang lebih besar lagi untuk meningkatkan keupayaan Jabatan Bomba ini.

Di samping itu kita juga sentiasa peka dengan keadaan bangunan-bangunan tinggi di seluruh negara. Kita telahpun mengarahkan Jabatan Bomba untuk membuat kajian di semua bangunan-bangunan. Boleh dikatakan tidak ada bangunan di satu-satu tempat itu yang tidak ada di dalam pengetahuan Jabatan Bomba kerana kita mahu mereka tahu di seluruh pelusuk bangunan itu, di mana ada kelemahan-kelemahan keselamatan, maka pihak Bomba akan membuat cadangan kepada pihak berkuasa bangunan supaya menyediakan ciri-ciri keselamatan, kalau dahulu tidak ada hendaklah disediakan. Tetapi malangnya pihak tuanpunya bangunan kurang bersedia untuk menyahut saranan-saranan ataupun cadangan-cadangan daripada pihak Bomba ini. Sebab itulah kadangkala apabila berlaku kebakaran timbul masalah-masalah yang dibangkitkan, tetapi sebenarnya nasihat telahpun diberi oleh pihak Jabatan Bomba mengenai perkara-perkara ini. Saya berharap pihak tuanpunya bangunan janganlah mementingkan keuntungan semata-mata tetapi hendaklah mempunyai sikap tanggungjawab kepada keselamatan dan nyawa manusia, maka dengan itu segala arahan-arahan dan cadangan-cadangan daripada pihak Bomba hendaklah dipatuhi dengan sepenuhnya. Bahkan pihak Kementerian telahpun menyarankan kepada pihak Bomba untuk mewujudkan satu sistem iaitu "management information system" yang paling moden dengan menggunakan komputer mengenai aspek-aspek keselamatan dan infrastruktur bangunan-bangunan tinggi. Apabila berlaku kebakaran bukan sahaja kita tahu, tetapi kita tahu dengan tepat dan dengan segera melalui maklumat-maklumat yang

disediakan oleh komputer di mana puncanya, mengapa dan bagaimana accessible ataupun cara untuk sampai ke tempat itu, sama ada perlu dilawan api kebakaran itu dari luar ataupun dari dalam, apa-apa perkara yang boleh membahayakan dan sebagainya boleh dimaklumkan di dalam "management information system" ini. Jadi, sememangnya pihak Jabatan Bomba dan pihak Kementerian peka dengan keperluan semasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Ghazali kerana telah mengingatkan supaya diberi pengiktirafan kepada ahli-ahli Bomba yang telah menyabung nyawa untuk melawan api kebakaran. Saya tidak sedar ataupun tidak arif sama ada telah ada 'award' seperti yang dicadangkan, tetapi kalau tidak, ada pihak Kementerian mencadangkan supaya dikaji, kalau boleh ianya dizahirkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, nasihat dan juga cadangan-cadangan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, adakah cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengadakan satu "Hari Bomba" supaya gelaran-gelaran dan anugerah-anugerah boleh diberikan kepada ahli-ahli Bomba yang mengorbankan diri semasa menjalankan tugas?

Tuan Adam bin Kadir: Sila.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini di setiap Jabatan Kerajaan memang ada "Hari Keluarga" masing-masing. Boleh dikatakan tidak ada Kementerian yang tidak ada

"Hari Keluarga" dan Jabatan Bomba pun saya ingat begitu juga dan bolehlah kita kaji sama ada pada hari tersebut cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu dimasukkan sebagai satu agenda, Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan-disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN)
MAJLIS DAYA PENGELUARAN NEGARA (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara tahun 1966 dibacakan pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara

1966 ini adalah untuk mengemaskini dan mengadakan garis panduan yang lebih jelas terhadap peranan, fungsi dan skop institusi produktiviti ini selaras dengan kehendak semasa dan masa depan. Lain-lain pindaan yang dicadang merupakan pindaan kecil yang merupakan penyejaran, pembedaan dan penyeragaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Pertukaran nama daripada Majlis Daya Pengeluaran Negara kepada Perbadanan Produktiviti Negara bertujuan untuk mewujudkan hanya sebuah entiti yang sah dari segi undang-undang bagi menggantikan dua entiti semasa iaitu Majlis Daya Pengeluaran Negara dan Pusat Daya Pengeluaran Negara. Pindaan kepada seksyen 2 ini akan mengelakkan kekeliruan yang kerap berlaku masakini.

Pindaan kepada seksyen 5(1) memberi kuasa kepada Perbadanan melantik sebuah Lembaga Pengurusan daripada kalangan pegawai-pegawainya untuk mengurus dan mentadbir hal ehwal seharian Perbadanan. Dengan yang demikian, Perbadanan akan lebih menumpukan perhatian terhadap isu-isu dasar dan Lembaga Pengurusan bertanggungjawab di dalam melaksanakannya.

Kuasa untuk mengambil dan mengenakan tindakan tatatertib di dalam Akta semasa adalah kurang jelas dan boleh dipertikaikan. Oleh hal yang demikian, pindaan kepada seksyen 5(2) memberi kuasa kepada Perbadanan untuk membuat peraturan dan mengambil tindakan tatatertib dan disiplin terhadap pegawai dan kakitangannya.

Di samping itu, pengwujudan seksyen 5A dan 5B memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang diperlukan bagi maksud membantunya di dalam menjalankan tugas dan fungsinya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 7 bertujuan untuk menjelaskan fungsi dan skop Perbadanan sebagai sebuah institusi produktiviti bagi maksud:-

- (a) menerajui aktiviti-aktiviti galakan dan penghebahan maklumat dan isu berkenaan produktiviti dan kualiti;
- (b) meningkatkan pembangunan tenaga manusia di peringkat penyeliaan dan pengurusan;
- (c) menghasilkan pakar dan kepakaran tempatan di bidang produktiviti, kualiti, pengurusan dan keusahawanan;
- (d) memberi pengiktirafan kepada program-program latihan di bidang produktiviti, kualiti, pengurusan dan keusahawanan yang dikendalikan oleh pihak swasta untuk awam;

- (e) mengadakan program latihan penyelidikan dan khidmat perundingan di bidang produktiviti, kualiti, pengurusan dan keusahawanan; dan akhirnya,
- (f) mengesyorkan kepada Menteri penyelesaian masalah produktiviti dan kualiti yang dialami oleh sektor perdagangan dan industri,

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan produktiviti dan kualiti dalam negara adalah menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat bukan sahaja pihak Kerajaan malahan sektor swasta, pengurusan dan pekerja. Oleh hal yang demikian, lebih ramai penglibatan golongan-golongan tertentu di dalam merancang, membentuk dan mengendalikan program dan aktiviti berkaitan dengan peningkatan produktiviti dan kualiti, lebih berjaya usaha-usaha yang dijalankan.

Bagi maksud ini, seksyen 7B diwujudkan untuk membolehkan Menteri melantik panel-panel perunding dari kalangan sektor swasta dan awam serta wakil-wakil institusi pengajian tinggi dan pekerja dan individu yang mempunyai kepakaran khusus. Tugas penting panel perunding ini ialah menjadi penasihat utama kepada Perbadanan dalam isu-isu, produktiviti- produktiviti negara seperti tahap dan produktiviti dan taraf produktiviti di peringkat mikro dan makro, kesan teknologi ke atas produktiviti dan arah-hala produktiviti masa hadapan serta isu-isu berkaitan dengan peningkatan kualiti barangan dan perkhidmatan.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan yang disebutkan tadi beberapa pindaan kecil juga dicadangkan untuk menyelaras dan memperkemaskannya. Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah:-

- (a) Seksyen 2 iaitu nama Ketua Eksekutif Perbadanan ditukar daripada Pengarah kepada Ketua Pengarah.
- (b) Seksyen 3(3)(c) iaitu wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dilantik menjadi Timbalan Pengerusi.
- (c) Seksyen 3(3)(i) keahlian Perbadanan dari sektor swasta dikurangkan daripada 12 kepada sekurang-kurangnya 3 tetapi tidak melebihi 7. Ini dilakukan kerana pihak swasta diwakili dengan cukupnya dengan panel-panel perunding.
- (d) Seksyen 3A ditambah untuk membolehkan ahli silih ganti bagi wakil-wakil Kerajaan. Ini dibuat supaya mesyuarat dapat diadakan mengikut jadual.
- (e) Seksyen 9 dipinda untuk membolehkan Perbadanan menerima bayaran dalam bentuk-bentuk selain daripada wang.

Lain-lain cadangan pindaan dalam Rang Undang-undang adalah merupakan pindaan berikutan daripada pindaan utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta memperbadankan Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Senator Hassan bin Harun.

6.03 ptg.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta memperbadankan Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana mengambil langkah yang sudah lama overdue, dengan izin, mengenai penyusunan semula kedua-dua agensi untuk menjamin produktiviti negara. Dengan pindaan ini, saya yakin keupayaan Badan ini akan dapat dipertingkatkan lagi kerana di dalam pindaan ini kita dapati bukan sahaja organisasinya disusun semula malahan komposisi ahli Lembaga Pengarah dan komposisi managementnya pun disusun dengan begitu sejajar dengan perkembangan dalam negara kita yang sedang meningkat dari segi perindustrian.

Baru-baru ini kita dapat mendengar siaran television, "Conversation with the Prime Minister" dalam TV1 di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menekankan dalam perbualan itu betapa pentingnya produktiviti dan daya saing negara kita dalam usaha untuk menjamin keupayaan negara kita dalam pasaran dalam negeri dan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun kebelakangan ini Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang amat radikal dalam bidang ekonomi dengan mengliberalisasikan undang-undang negara berkaitan dengan semua aspek kegiatan ekonomi negara dan dengan secara liberalisasi ini, ia akan mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi yang berteraskan kerajinan, keusahawanan dan daya saing. Dalam perlumbaan yang sedemikian rupa, sudah tentu mereka yang berupaya akan dapat hidup sebab dalam persaingan seperti ini adalah persaingan yang akan menjamin hanya yang terkuat hidup supaya ramai di antara rakyat Malaysia yang terlibat dalam kegiatan ekonomi negara dapat survive, dapat hidup dan terus maju. Maka sudah tentu pihak Kerajaan terpaksa kena pemikir sesuatu untuk

mempastikan bukan hanya the fittest akan hidupi akan survive dalam competition, dalam persaingan yang dijangka hebat ini pada masa sekarang dan akan datang.

Saya mengambil berat dalam hal ini kerana dalam persaingan yang terbuka dalam ekonomi bebas ini, ada di antara kelompok-kelompok rakyat kita yang sudah pasti tidak akan dapat bersaing dengan adilnya sekiranya mereka tidak diberi peluang dan latihan yang secukupnya. Kalau masalah mereka tidak dikenalpasti dan dicari jalan penyelesaian, kalau ada kepincangan-kepincangan dalam daya pengeluaran mana-mana kaum dalam negara ini, sudah pasti ini boleh mencetuskan jurang, bukan sahaja jurang di antara keupayaan satu kaum dengan kaum lain untuk meningkatkan pengeluaran tetapi ini boleh mencetuskan jurang perkauman, jurang ekonomi dan lain-lain lagi yang boleh mengakibatkan polarisasi dalam masyarakat ini pada masa hadapan. Maka untuk menjamin supaya perkara ini tidak berlaku, sudah tentu dalam sistem ekonomi terbuka ini sesuatu perlu dibuat untuk mempertingkatkan across the board keseluruhannya sekali rakyat Malaysia supaya bukan sahaja kelompok-kelompok tertentu yang sudah berdaya sedemikian tetapi yang lain juga akan dapat menyertai kegiatan-kegiatan ini tanpa merugikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini, saya berharap Perbadanan Daya Pengeluaran Negara ini nanti apabila sudah tersusun akan dipimpin oleh seorang Director-General yang betul-betul faham, yang kreatif, yang berdaya usaha, yang mencerminkan hasrat Kerajaan dalam konteks sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perbicaraannya dalam televisyen baru-baru ini.

Dan kakitangan di dalam organisasi ini juga perlu dikaji betul—betul supaya diambil daripada kalangan orang-orang yang benar-benar faham dan komited kepada peningkatan daya pengeluaran negara. Kalau tidak kita akan ada satu lagi organisasi yang ketat dengan red tapenya, dengan birokrasinya yang akan melumpuhkan dan tidak menjadi contoh kepada kehendak-kehendak yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dalam usaha mempertingkatkan daya pengeluaran negara demi untuk menjamin keupayaan kita bersaing sama di dalam negeri ataupun di luar.

Tuan Yang di-Pertua, abad ke 21 hanya 9 tahun lagi. Dalam masalah produktiviti, saya rasa kita perlu memberi faham kepada rakyat dengan sedalam-dalamnya, implikasi perkembangan, teknologi yang begitu hebat sekarang.

Kalau kita lihat apa yang berlaku di Timur Tengah, Perang Teluk, sehari dua ini kerana salah fahaman, kerana tidak cukup maklumat maka rakyat kita dengan emosi menyatakan sokongan tanpa memahami hujung jatuhnya, kerana apa? Kerana mereka tidak tahu apa yang akan berlaku. Jadi, sama jugalah dalam bidang lain di zaman yang kita akan hadapi sekarang ini, perkembangan teknologi kesannya kepada produktiviti amat hebat sekali dan perlu dikaji dengan sedalam-dalamnya. Apakah teknologi yang dibawa masuk ke dalam negeri kita itu akan melumpuhkan kita, akan menyebabkan kita bergantung kepada orang lain yang tidak menjamin produktiviti anak negara sendiri ataupun kita kena mesti mencari jalan tertentu untuk memastikan teknologi yang diimport itu tidak akan mengikat

kita sehingga kita tidak dapat bernyawa, kita terpaksa membawa masuk orang lain, akhir sekali rakyat menjadi kuli di negaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan para pelabur asing ini akan membawa bukan sahaja wang tetapi teknologi dan kemasukan teknologi ini akan memerlukan anak bangsa sendiri yang berkeupayaan untuk mengendali dan mengguna teknologi itu, demi untuk menjamin produktiviti tadi. Tetapi kalaulah anak bangsanya sendiri tidak dapat menguasai teknologi ini, sudah pasti kita akan mengulangi sejarah Syarikat PERWAJA. Kita beli mesin besar-besar tetapi kerana kita tidak faham teknologi, akhir sekali mesin itu tidak terguna, kita rugi beribu-ribu juta dan akhir sekali kita terpaksa kena susun semula. Apabila ada seorang yang memahami teknologi, kepimpinan dan sebagainya barulah dapat kita menghasilkan hasil yang mencukupi dan organisasi itu sekarang mula menunjuk prestasi yang amat membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi badan-badan Kerajaan, banyak lagi organisasi-organisasi yang telah dilancarkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan ekonomi negara terpaksa ditutup ataupun lumpuh dan sebagainya, kerana apa? Kerana kita tidak faham teknologinya, kita tidak faham aspek-aspek pengurusannya, maka dengan sendirinya produktiviti jatuh dan dengan sendirinya kita rugi. Apabila kita rugi Kerajaan yang dimarahkan oleh rakyat, menyatakan semua projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu adalah projek-projek gajah putih. Kita juga melihat akhir-akhir ini apabila anak bangsa sendiri tahu mengendalikan firma-firma ini,

organisasi-organisasi ini, daya pengeluaran meningkat, barulah kita tahu rupa-rupanya dasar tidak salah, manusia yang mengendalinya salah. Saya yakin organisasi macam Perbadanan Daya Pengeluaran Negara ini akan dapat menolong kita semua mengurang kemungkinan-kemungkinan yang berlaku, perkara-perkara yang seperti ini di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pentingnya Perbadanan ini kepada negara kita tidak dapat dihuraikan lagi. Dekad 1990an ini adalah dekad yang menentu sama ada Malaysia akan masuk kelab negara perindustrian ataupun tidak. Mahu tidak mahu, Malaysia tidak lama lagi akan dipanggil Negara Perindustrian Baru (NIC), sebab kriteria-kriteria pokok sudahpun kita capai. Dari segi per capita income kita sudah ke tahap yang boleh dipanggil sebuah negara N.I.C. Dari segi eksport barang-barang pembuatan kita sudah dapat mengeluarkan lebih daripada tahap yang telah ditetapkan oleh negara-negara Barat.

Dari segi komposisi pengeluaran negara pun sama juga. Dengan lain perkataan, pada hakikatnya sekarang pun kita sudah boleh dipanggil oleh negara-negara lain sebagai Negara Perindustrian Baru. Tetapi tidak ada gunanya sesudah kita dapat panggilan itu, pangkat itu, kita tidak dapat mengekalkan daya pengeluaran kita, akhir sekali kita tertewas dan jatuh balik dan apabila kita lumpuh hendak bangun semula bukan main lagi susah.

Tuan Yang di-Pertua, dekad 90an ini orang kata dekad negara-negara Pacific rim iaitu dekad negara-negara di pinggir Lautan Pasifik **ini**, iaitu dekad yang akan menonjol negara-negara yang sedang muncul dengan hebat dan pertumbuhan ekonomi dengan kadar

yang tinggi seperti mana yang dialami oleh Malaysia dan Thailand sekarang, menunjukkan bahawasanya masa depan, trend masa depan bergantung besar kepada keupayaan negara kita bersaing di peringkat antarabangsa. Dan keupayaan itu hanya dapat dijamin dengan produktiviti, lebih-lebih lagi kalau kita hendak bersaing dengan hebat di luar negara, kita mesti melihat kekuatan dan kelemahan kita.

Jadi, Perbadanan ini mesti tahu bahawasanya negara kita sekarang ini adalah sebuah negara dengan rakyat yang tidak ramai. Apabila rakyat tidak ramai, apabila kita melabur dengan hebat, membangun dengan hebat, kita sekarang sedang mula mengalami masalah kekurangan buruh. Dengan kekurangan buruh ini kita tidak dapat lagi menyambut para pelabur ke sini sepertimana dahulu. Jadi kos pengeluaran kita akan bertambah kerana gaji pekerja-pekerja akan naik, kerana pekerja-pekerja kita ada pilihan, mereka tidak perlu lagi mencari kerja, sekarang kerja cari mereka. Kalau kita tidak dapat menjamin produktiviti dengan pekerja yang sedikit ini, kita tidak akan dapat bersaing di peringkat antarabangsa di hari muka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks inilah saya menyeru kepada sesiapa sahaja yang akan dilantik untuk menjadi Director General Perbadanan ini dan siapa sahaja yang dipilih untuk menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan ini hendaklah mereka ini sedar bahawasanya bergantung masa depan Malaysia, bergantung tidak sedikit kepada keupayaan mereka mengenalpasti masalah-masalah mencadangkan solution-solution ataupun penyelesaian pada masalah-masalah yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang, cuma hendak menekankan betapa pentingnya ,produktiviti kepada keupayaan negara kita bersaing dalam arena perdagangan antarabangsa di hari rauka. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

6.18 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966 ini dan saya menyokong agar ianya diluluskan di dalam Dewan kita yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Majlis Daya Pengeluaran Negara ini amat penting dan sudah tiba masanya supaya ianya diperbadankan. Banyak kursus-kursus pengurusan yang telah dijalankannya mendapat kejayaan dan ramai daripada rakyat kita telah mendapat nikmat yang baik daripadanya. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, adalah pada masa ini banyak syarikat-syarikat swasta yang menjalankan kursus-kursus pengurusan ini dan dijalankan dengan daya usaha mereka tanpa ada jagaan, tanpa ada pihak berkuasa menjaga perjalanan syarikat-syarikat tersebut menjalankan kursus-kursus pengurusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting di dalam kursus itu adalah charge yang tinggi, belanja yang tinggi yang dikenakan oleh syarikat-syarikat tersebut terhadap orang ramai. Saya rasa sudah tiba masanya supaya Perbadanan ini diberi kuasa untuk menjaga syarikat-syarikat tersebut dan kalau boleh pembayaran untuk kursus-kursus tersebut diselaraskan seperti apa yang dikenakan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara.

Syarikat tersebut juga harus dijaga daripada segi penyampaian Kertas-kertas Kerjanya. Semua Kertas-kertas Kerja yang disampaikan oleh syarikat tersebut adalah disampaikan dengan bahasa Inggeris, sedikit pun Bahasa Malaysia tidak digunakan. Yang malangnya, apabila Yang Berhormat Menteri dijemput untuk merasmikan kursus tersebut sebagai menyampaikan ucapan utamanya dipanggil di situ, maka pihak Menteri itu juga menyampaikan Ucapan Pembukaannya dengan bahasa Inggeris. Kononnya, peserta-peserta tidak tahu berbahasa Malaysia tetapi peserta-peserta yang hadir di dalam kursus tersebut adalah semuanya rakyat Malaysia dan agak saya semuanya tahu berbahasa Malaysia, cuma cekap atau tidak sahaja.

Oleh itu Perbadanan ini saya harap akan juga berkuasa untuk memerintah, untuk memberi arahan kepada syarikat pengurusan-pengurusan tersebut supaya jika tidak semuanya digunakan di dalam Bahasa Malaysia, sekurang-kurangnya di Majlis Pembukaan itu jadilah dahulu digunakan Bahasa Malaysia dan sekurang-kurangnya memberi penghormatan kepada bahasa itu ataupun di dalam undang-undang kita hari ini sudah jelas mengatakan bahawa segala urusan hendaklah dibuat di dalam bahasa kita. Saya agak kuasa Perbadanan ini mungkin tidak ada berbuat demikian; jika ianya tidak ada di dalam undang-undang ini, saya pohon supaya Kerajaan dapat meminda di mana yang perlu untuk mengarahkan apa yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon.

6.22ptg.

Puan Ainon binti Airffin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun pada petang ini untuk bersama-sama membahaskan dan sesungguhnya saya menyokong kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta (Memperbadankan)- Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966.

Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan telah menerangkan dengan panjang lebar dan jelas mengapa dan kenapa Akta ini dipinda dan daripada keterangan yang telah diberikan dan dengan Akta yang ada di hadapan kita nyatalah bahawa pindaan kepada Akta ini sangat mustahak dan sahabat saya tadi mengatakan sudah overdue, dengan izin, ertinya sudah agak terlambat tetapi mungkin ianya belum terlewat.

Dijelaskan tadi tujuan utama kepada pindaan Akta ini ialah untuk menukar nama iaitu Fasal 2 bertujuan meminda nama Majlis Daya Pengeluaran Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta yang lalu dijadikan atau ditukar namanya kepada Perbadanan Produktiviti Negara. Dari nama ini nyatalah bahawa Badan ini juga ingin mempertingkatkan lagi segala daya usaha dan ingin menyelaras serta melicinkan dan untuk mengemaskinikan, kata Setiausaha Parlimen yang begitu baik bahasanya tadi, bagi menentukan bahawa Perbadanan Produktiviti Negara ini akan memainkan peranan dan akan menyelenggarakan pelaksanaan fungsi-fungsinya sesuai dengan visi negara dan sesuai dengan apa yang telah diutarakan oleh Kerajaan kita yang ingin bersaing, kalau boleh, duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia terutamanya

di negara-negara jiran kita sendiri dalam hal ehwal pengeluaran atau produktiviti kenegaraan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pindaan ini dan sesungguhnya apa yang telah diperkatakan oleh sahabat saya Senator Hassan juga ada di dalam catatan saya, jadi saya tidak payah mengulanginya lagi, iaitu mengenai Fasal 6. Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 5 Akta untuk membuat peruntukan bagi perlantikan Ketua Pengarah dan juga pegawai-pegawai lain sebagai anggota Lembaga Pengurusan yang akan bertanggungjawab bagi pentadbiran harian hal ehwal Perbadanan.

Memang kita memahami bahawa kalau pengurusah tidak selaras, tidak bijak, tidak usaha dan tidak aktif - tidak radikal, kata kawasan saya tadi, pastilah daya pengeluaran itu akan mengikut contohnya, seperti juga terap kepada kueh mengikut acuan. Kalau dahulu mungkin nama hanya Pengarah telah tidak menarik minat untuk berusaha keras bekerja selaras dengan kehendak-kehendak negara, maka sekarang dinaikkan pangkat kepada Ketua Pengarah dan kemudian pegawai-pegawai lain juga telah diberi peluang dalam Lembaga Pengurusan supaya menentukan bahawa segala usaha bagi mempertingkatkan dan untuk memalaysiakan produktiviti negara ini dapat dijalankan dengan baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kecenderungan-kecenderungan dalam negara kita terutamanya oleh pihak-pihak swasta yang menjalankan beberapa projek pengeluaran dan juga yang mengusahakan berbagai-bagai perniagaan, perdagangan sama ada dalam sektor pembuatan, perkilangan atau juga dalam hal-hal pembangunan. Terdapat satu

kecenderungan yang menyatakan bahawa mereka terpaksa menggunakan pakar-pakar dari luar negeri untuk tugas-tugas separuh mahir, apalagi yang mahir di dalam bidang-bidang berkenaan kerana tidak terdapat rakyat negara ini yang mahir, yang berkualiti, yang pakar di dalam kerja-kerja atau jawatan-jawatan bagi melaksanakan projek-projek yang diusahakan itu.

Pada peringkat awal dahulu kita seolah-oleh menerima kenyataan ini, maka syukurlah dengan pindaan Akta ini nyatalah kita sudah sedar bahawa pemindahan teknologi moden dan canggih sudah sampai masanya dan perlu diusahakan sekarang ini dan dinegarakan atau diberikan kepada anak negara ini sendiri kerana kita dapati bahawa rakyat Malaysia mempunyai otak-otak yang boleh dilatih, yang baik kalau dibimbing, digroom, mereka juga boleh menjadi pakar-pakar yang mengkagumkan. Ada di antara anak Malaysia yang dapat latihan dan bimbingan di luar negeri, tidak berpeluang di dalam negeri, mereka bertugas di luar negeri mendapat bimbingan yang baik, mereka dikenali sebagai pakar-pakar di dalam satu-satu bidang perusahaan atau usahawan seperti kita Setiausaha Parlimen tadi.

Kita terlalu bimbang kerana kita tidak juga boleh menafikan setiap mereka yang mengusahakan apa-apa pengeluaran pun kalau mereka itu bertaraf swasta, sudah pasti mereka memikirkan keuntungan lebih daripada segala-gala yang lain. Walau bagaimanapun, kita mengakui, kita berterima kasih juga atas sikap kenegaraan atau sikap kekitaan yang ada pada setengah-setengah swasta di negara kita ini tetapi tidak dinafikan masalah keuntungan mengambil peranan penting dan biasanya tentulah mereka tidak mahu perkara remeh-temeh, ausah-

payah hendak latih dahulu baru pandai, lepas pandai baru bekerja, maka nanti projek atau daya usahawan mereka ini akan lewat atau terlambat.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, bolehkah Yang Berhormat sambung ucapan esok?

Puan Ainon binti Ariffin: Dengan segala hormatnya diterima, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.